

Jilid IV
Bil. 1



Hari Selasa
11hb Mac, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 21]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 35]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 35]

**Cuti Y.A.B. Dato' Musa bin Hitam dan Y.B. Tuan Haji Affandy bin Tun
Haji Mohd. Fuad Stephen—Kebenaran [Ruangan 37]**

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 37]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 97]

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 98]

**Ucapan Terima kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 100]**

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S., (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, **DATO' MAK HON KAM**, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM**, D.G.S.M. (Alor Gajah).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T, K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negari dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).

- Yang Berhormat TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOK BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).

- Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMAD YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

- Yang Berhormat DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 11hb Mac, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan Mesyuarat*)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

TITAH UCAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam, 10hb Mac, 1986 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

TITAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Assalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Bismillaahir Rahmaanir Rahim,

Alhamdu Lillaahi Rabbil Alamin, Wassolaatu Wassalaamu Alaa Saiyidinaa Muhammadin Asyrafil Ambiyaa i Walmursaliin Wa Al Aalihii Wasohbihii Ajmaiin.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah subhaanaahu wa ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat bersama-sama dengan saudara saudari sekalian di Dewan yang mulia ini, bersempena dengan Upacara Perasmian Penggal Keempat Parlimen Keenam pada hari ini.

Kita bersyukur ke hadrat Allah, kerana keadaan negara terus aman. Walaupun begitu, masalah pertumbuhan ekonomi negara yang lembab, menjadi cabaran utama kepada negara dan rakyat Malaysia. Tetapi dengan izin Allah, berkat kesungguhan Kerajaan dan kesabaran rakyat menghadapi segala cabaran, maka kesan-kesan yang lebih buruk telah dapat dielakkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Tahun 1986 amat penting bagi negara kita, kerana tahun inilah bermulanya Rancangan Malaysia Kelima. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keempat, negara telah mencapai pertumbuhan ekonomi lebih kurang 6 peratus setahun. Ini membuktikan bahawa ekonomi negara kita adalah tegoh jika dibandingkan dengan negara-negara lain termasuk beberapa buah negara maju.

Bagi tahun 1986, keadaan ekonomi negara akan menghadapi berbagai cabaran. Untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang memuaskan, kegiatan-kegiatan ekonomi mestilah dipesatkan dan semua pihak mestilah berusaha dari sekarang dengan lebih bersungguh-sungguh lagi. Di samping itu, Kerajaan akan melaksanakan dasar fiskal dan kewangan untuk memperbaiki keadaan ekonomi negara. Kerajaan akan terus memperbaiki keadaan sumber-sumber yang tidak seimbang dengan meningkatkan daya pengeluaran melalui usaha-usaha yang lebih cekap lagi. Dalam hubungan ini, Penswastaaan dan konsep Persyarikatan Malaysia akan terus dilaksanakan dengan lebih meluas.

Kerajaan memandang berat masalah pengangguran yang semakin meningkat. Beberapa langkah tertentu telah dan sedang diambil bagi mengatasinya. Di antaranya menyediakan peluang pekerjaan baru dengan melaksanakan pembinaan tambahan 80,000 unit rumah kos rendah setahun dalam tempoh 1986 hingga 1988, pembinaan jalan dan pembangunan pertanian, kerja-kerja pembinaan yang menggunakan ramai pekerja di kawasan-kawasan yang mundur dan kemudahan untuk sektor swasta mendapatkan tanah bagi maksud pertanian dan memajukan industri-industri kecil.

Kerajaan Kita akan terus mengamalkan dasar berjimat-cermat dan berhati-hati dalam menguruskan ekonomi negara. Dalam keadaan sekarang, sudah tentulah keupayaan Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan adalah terhad. Suka Kita memberi jaminan bahawa Kerajaan akan terus memberi keutamaan keada projek-projek membasmi kemiskinan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat demi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Bagi meninggikan taraf kehidupan rakyat, Kerajaan akan terus menambahkan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air paip, elektrik serta jalan raya, terutama sekali di kawasan luar bandar dan memperluaskan perkhidmatan pelajaran, kesihatan dan kebajikan serta telekom dan pos.

Dari segi penyusunan semula masyarakat, usaha-usaha mengimbangkan perbezaan ekonomi antara kaum akan terus dilaksanakan. Dalam hal ini, rakyat semua kaum mempunyai peranan masing-masing untuk memastikan pencapaian matlamat ini. Matlamat penyertaan Bumiputera dalam pemilikan saham di sektor syarikat akan lebih mudah dicapai sekiranya lebih ramai mereka yang layak menyertai Skim Amanah Saham Nasional. Kerajaan juga akan terus menyediakan peluang untuk memberi galakan kepada para usahawan Bumiputera, terutamanya pada usahawan baru, supaya mereka dapat menyertai kegiatan ekonomi dalam bidang perdagangan dan perindustrian dengan lebih berkesan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Beberapa faktor telah menyebabkan kesan yang tidak baik ke atas harga barangan eksport utama negara kita. Untuk melindungi kepentingan negara, keutamaan akan diberikan kepada usaha-usaha penyelidikan bagi meningkatkan mutu dan daya pengeluaran serta mengurangkan kos pengeluaran. Kerajaan akan terus mencari pasaran baru, memperkukuhkan pasaran yang sedia ada dan berusaha mendapatkan kerjasama negara-negara maju, mengurangkan sekatan tarif dan bukan tarif terhadap barangan utama kita.

Perancangan bagi sektor perindustrian akan terus diperkukuhkan. Industri pembuatan akan kekal sebagai tenaga penggerak utama. Pelan Induk Perindustrian mengandungi strategi-strategi yang perlu diambil serta jenis-jenis industri yang patut diberi keutamaan untuk pembangunan perindustrian negara. Strategi-strategi ini bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas bagi pembangunan industri

perkilangan di Malaysia. Berbagai langkah telah diambil untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan asing ke negara kita serta menggalakkan pelaburan tempatan. Kerajaan juga akan memberi tumpuan dan keutamaan terhadap perkembangan industri-industri kecil di luar bandar.

Di sektor pertanian, tumpuan utama akan diberi kepada pelaksanaan Dasar Pertanian Negara bagi mewujudkan aktiviti perladangan bercorak komersial, khususnya melalui perladangan berkelompok. Peluang dan galakan pertanian disediakan bagi menarik pihak swasta untuk sama-sama membangunkan sektor pertanian, khususnya dalam pengeluaran bahan-bahan makanan utama yang diperlukan oleh negara. Seterusnya, peranan kredit pertanian akan diperkemas, dipertingkat dan diperluaskan.

Pada bulan hadapan, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan PATA. Ini memberi peluang kepada Malaysia untuk menarik lebih ramai lagi para pelancong. Sumbangan dari industri pelancongan yang lebih berkesan kepada pertumbuhan ekonomi boleh dicapai dengan adanya usahasama antara sektor swasta dan sektor awam.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Dalam keadaan ekonomi sekarang, kita mestilah bersedia untuk berkorban demi masa hadapan negara. Kita perlu bekerja keras dan berjimat cermat seberapa yang boleh serta menyesuaikan corak hidup kita dengan keadaan yang berubah. Kelembapan ekonomi negara janganlah melemahkan semangat dan azam kita untuk membina Malaysia yang aman, makmur dan maju.

Negara kita masih lagi menghadapi masalah penyalahgunaan dadah, Kerajaan telah mengadakan Rancangan Bertindak Anti Dadah bagi menyedarkan generasi muda, ibubapa dan masyarakat umum mengenai bahaya dadah. Ini telah mendatangkan kesan yang menggalakkan dan Undang-undang yang berkaitan dengan dadah akan terus dikuatkuasakan dengan adil dan saksama.

Walaupun ancaman penganas komunis terkawal, Kita amat dukacita kerana negara menghadapi masalah penyalahgunaan agama untuk kepentingan peribadi, kepentingan politik dan kepentingan golongan tertentu. Mereka bukan sahaja menyebarkan fahaman yang sempit dan ajaran salah, malahan juga menghasut rakyat membenci dan menentang Kerajaan secara kekerasan. Tindak-tanduk mereka bukan sahaja mengancam keselamatan negara bahkan merugikan umat Islam sendiri. Suka Kita menegaskan bahawa Kerajaan bertanggungjawab untuk mengawasi dan menentang ancaman yang berpunca dari sikap melampau dari mana-mana pihak sekalipun. Umat Islam mestilah menghayati ajaran Islam berpandukan kepada Al-Quran dan Hadis. Seterusnya, suka Kita mengingatkan umat Islam supaya mematuhi fatwa-fatwa dan arahan-arahan oleh pihak berkuasa sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Manakala pegawai-pegawai agama yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal Islam mestilah menjalankan tugas dengan jujur, amanah, dedikasi dan berani dalam menegakkan kebenaran untuk menghapuskan kegiatan penyalahgunaan agama.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Perpaduan rakyat dan integrasi nasional tetap menjadi matlamat utama Kerajaan dalam proses pembangunan bangsa dan negara. Suka Kita mengingatkan semua parti-parti politik, terutama pucuk pimpinan, supaya tidak memperalatkan isu-isu perkauman dan agama semata-mata untuk tujuan mendapatkan sokongan. Para

pemimpin di semua lapisan masyarakat hendaklah berusaha dengan ikhlas menghapuskan apa juga masalah yang boleh memecah-belahkan perpaduan. Dengan cara ini, segala prasangka, hasad dengki, menabur fitnah dan menghasut serta mencabar pihak berkuasa dapat dihapuskan daripada masyarakat kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan kepentingan untuk menjamin keselamatan dan kedaulatan negara, Malaysia mengamalkan dasar luar negeri yang cergas, proaktif, bebas dan berkecuali, Kerjasama ekonomi, sosial dan juga politik di kalangan anggota ASEAN akan terus dipertingkatkan.

Dalam menghadapi cabaran ekonomi dunia sekarang, dasar luar negeri kita akan menitikberatkan peranan ekonomi sebagai langkah memperkuat usaha-usaha di dalam negeri. Bersama-sama rakan-rakan dalam ASEAN kita akan terus berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencari penyelesaian politik dalam masalah Kampuchea dan untuk mencapai hasrat mewujudkan ZOPFAN dengan secepat mungkin. Kerajaan Kita akan terus meningkatkan usaha ke arah perpaduan ummah melalui hubungan dua hala dengan negara-negara Islam dan sokongan terhadap kegiatan dan matlamat Pertubuhan Persidangan Islam.

Kerajaan Kita juga akan terus aktif dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan agensi-agensi antarabangsa yang lain. Usaha-usaha akan diteruskan ke arah penyelesaian masalah Afghanistan dan masalah Palestin serta menjadikan Antartika sebagai Warisan Bersama Manusia. Mengenai dadah pula, Malaysia akan terus mengambil peranan yang giat dan penting di peringkat antarabangsa dalam usaha mendapatkan perhatian dan kerjasama untuk memerangi penagihan dan pengedaran dadah. Malaysia juga sedang mengambil peranan utama dalam penyediaan untuk mengadakan Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan Dadah di Vienna pada bulan Jun tahun hadapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Walaupun kita sekarang sedang menghadapi berbagai cabaran, Kita yakin di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Kita, Insya Allah kita akan dapat mengatasi segala cabaran tersebut dengan bekerja keras, bersatupadu dan amanah serta sokongan rakyat yang tidak berbelah bagi kepada Kerajaan demi menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman, makmur, maju dan bermaruah.

Akhirnya, Kita juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada seluruh rakyat Kita yang turut memberi sumbangan dalam bidang masing-masing kepada kemajuan dan kesejahteraan negara. Tahniah juga Kita ucapkan kepada anggota-anggota Kerajaan Kita atas perkhidmatan yang disumbangkan, termasuk anggota-anggota perkhidmatan awam yang setia melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Kita juga menyanjung tinggi akan pengorbanan para anggota Angkatan Tentera dan Polis dalam mempertahankan kedaulatan dan menjamin keselamatan negara, seterusnya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam usaha membangun dan memakmurkan negara Malaysia.

Wabillahir Taufik Walhidaayah,

Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

The translation of the Speech in English is as follows:

**ADDRESS BY
HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG**

In the name of Allah, Most Beneficent, Most Merciful.

Praise be to Allah, Lord of the Universe, and may His Blessings and Peace be upon our Prophet Muhammad, his family and his companions.

Mr President, Mr Speaker, Members, of the Dewan Negara and Members of the Dewan Rakyat.

I thank Allah, The Almighty, for His blessings in enabling me to address this House in conjunction with the Official Opening of the Fourth Session of the Sixth Parliament today.

I thank Allah for our nation has continued to be peaceful. However, the slow growth of our economy, has been the main challenge to the people and the nation. With the grace of Allah, the Government's perseverance and the people's resilience in facing all challenges, the more adverse effects have been avoided.

Honourable Members,

1986 is a very important year for our nation, for this is the year of the commencement of the Fifth Malaysia Plan. During the Fourth Malaysia Plan period, the rate of growth of our economy was about 6% per annum. This proves that our economy is strong, compared to that of other countries, including that of some developed countries.

In 1986, our economy may face many challenges. To attain a satisfactory rate of economic growth, economic activities must be activated and all concerned must from now onwards gear up their endeavour. At the same time, the Government will implement fiscal and financial policies to improve the economy. The Government will continue to correct its resource imbalances by increasing productivity through more efficient and productive means. In this respect, Privatisation and Malaysia Incorporated will be implemented more widely.

My Government considers growing unemployment as a serious problem. Several steps have been and are being undertaken to overcome this problem. They include the construction of an additional 80,000 units of low cost houses yearly for the period during 1986 to 1988, the building of roads, the development of agriculture, the creation of labour intensive construction works in the less developed areas, and facilities for the private sector to obtain land for agricultural purposes and for developing small industries.

My Government will continue to observe austerity and prudence in managing the economy. In the present situation, the Government has limited capacity to implement development projects. However, I would like to give the assurance that the Government will continue to accord high priority to projects for the eradication of poverty to upgrade the standard of living of the people in the quest for achieving the objectives of the New Economic Policy.

To elevate the quality of life, the Government will continue to provide basic amenities such as piped water, electricity, facilities such as roads especially in the rural areas, and the expansion of education, health, welfare, telecommunication and postal services.

With regard to the restructuring of society, efforts to correct the economic imbalances among the ethnic groups will continue to be implemented. In this respect, all ethnic groups will have to play their respective roles to ensure the achievement of the goal. The target of Bumiputera participation in the ownership of shares in the corporate sector will be made easier if more eligible Bumiputera are involved in the National Investment Fund Scheme. The Government will continue to provide opportunities to encourage Bumiputera entrepreneurs, especially those who are new, to participate effectively in commerce and industry.

Honourable Members,

A number of factors have caused adverse effects on the prices of our primary export commodities. To safeguard our interest, priority will be accorded to research and development to increase quality and productivity and to minimise production cost. The Government will continue to explore new markets, strengthen those already existing and seek co-operation among the developed countries for the reduction of tariff and non-tariff barriers on our commodities.

The planning of the industrial sector will further be enhanced. The manufacturing sector will remain as the prime motivator. The Industrial Master Plan consists of appropriate strategies to be adopted and types of industries to be given priority in the industrial development of the country. These strategies are aimed at providing a clearer perspective for the development of the manufacturing industry in Malaysia. Various steps have been taken to attract more foreign investment and to encourage local investment. The Government will also direct equal emphasis and priority to the expansion of small industries in the rural areas.

In the agricultural sector, the main focus will be on the implementation of the National Agriculture Policy which is to create activities based on commercial farming, in particular group farming. Opportunities and incentives will be provided to promote the joint participation of the private sector in developing the agricultural sector, particularly in the production of the country's main food items. Accordingly the role of agricultural credit will be upgraded and its scope widened.

Next month, Malaysia will be the host to the PATA Conference. This gives Malaysia the opportunity to further promote tourism. Effective contribution to economic growth from the tourism industry could be achieved through joint co-operation between the private and the public sectors.

Honourable Members,

In the present economic situation, we must be prepared to sacrifice for the future. We need to struggle, be thrifty and be able as far as possible to adapt our life style to changes. The slow down in our economy should not weaken our spirit and our will to build a peaceful, prosperous and progressive Malaysia.

Our country is still facing a serious problem of dadah addiction among our youth. The Government has formulated an Anti Dadah Action to caution the younger generation, the parents and the society as a whole on the danger of dadah. This has brought encouraging result. Laws related to dadah will continue to be enforced justly.

Although the communist threat is under control. I am very unhappy that the country is confronted with the problem of misuse of Islam by individuals and groups for their personal and political ends. They do not only spread narrow beliefs and false teachings but also instigate the people to hate and act against the Government through violence. Their misdeeds will not only be a threat to national security but also a detriment to the

ummah. I would like to stress that it is the Government's responsibility to control and counter any threat of extremism. All Muslims must practise faithfully the teachings of Islam based on Al-Qur'an and Hadis. I would like to remind all Muslims to obey the Islamic rulings and directives of the authorities as required in Islam. Officers responsible over Islamic affairs must be trustworthy, sincere and dedicated in discharging their duties and courageous in combating activities which misuse Islam.

Unity and national integration will always remain the primary objectives of the Government in the process of national development. I call upon all political parties particularly their leaders not to use racial and religious issues to gain support. Leaders from all levels in the society must strive sincerely to overcome any problem that can cause disunity. In this way, negative traits such as prejudice, jealousy, slander, provocation against and defiance of the authorities could be eliminated from our society.

Honourable Members,

Consistent with our interest in protecting the security and independence of the country, Malaysia practises a vigorous, proactive, independent and non-aligned foreign policy. Co-operation amongst ASEAN members in the economic, social and political fields will continue to be enhanced.

In facing the challenges of the present world economic situation, we will emphasise the economic aspect of our foreign policy as a step in strengthening economic efforts in the country. Together with our ASEAN friends, we will continue to work with determination to seek a political solution to the Kampuchean problem, and to achieve the objective of establishing ZOPFAN as soon as possible. Our Government will continue to intensify efforts towards achieving greater solidarity amongst Islamic countries through bilateral relations and support the activities and objectives of the Organisation of Islamic Conference.

Our Government will also continue to be active in Non-Aligned Movement, the United Nations and other international agencies. Efforts will continue towards settling the problem in Afghanistan and the Palestinian problem, as well as turning Antarctica into a common heritage of mankind. On the dadah problem, Malaysia will continue to play an active and important role at the international level in our effort to seek international attention and co-operation to combat the problem of dadah abuse and illicit trafficking. Malaysia plays a leading role in preparations for the convening of the International Conference on Drug Abuse to be held in Vienna in June next year.

Honourable Members,

Although at present we are facing several challenges, I am confident that under the leadership of Dato' Seri Mahathir bin Mohamad, my Prime Minister, we will, God willing overcome all challenges through hard work, unity, trust and the people's undivided loyalty to the Government for a peaceful, prosperous, progressive and dignified Malaysia.

Finally, I also take this opportunity to thank all Malaysians for their contributions in their respective fields towards the progress and well being of the nation. I would like to congratulate the members of the administration for their services, including those in the civil service who have discharged their duties efficiently and effectively. I also hold with high esteem the sacrifices of the members of the Armed Forces and the Police in defending the sovereignty and safeguarding the security of the nation and of the members of the Dewan Negara and the Dewan Rakyat who have carried out their role and responsibility in the development and progress of the nation.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Ketiga Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1985;
2. Akta Syarikat Kewangan (Pindaan) 1985;
3. Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1985;
4. Akta Orang-orang Papa (Pindaan) 1985;
5. Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Pindaan) 1985;
6. Akta Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) 1985;
7. Akta Bank (Pindaan) 1985;
8. Akta Perbekalan 1986;
9. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1985;
10. Akta Kewangan (No. 2) 1985;
11. Akta Bank Islam (Pindaan) 1985;
12. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1985; dan
13. Akta Dagangan Komoditi 1985.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat

dalam Mesyuarat Ketiga Penggal yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“20hb Disember, 1985

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Syarikat Kewangan (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan);
5. Rang Undang-undang (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan);
7. Rang Undang-undang Bank (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Perbekalan 1986;
9. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2);
11. Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan); dan
13. Rang Undang-undang Dagangan Komoditi.

Yang ikhlas
t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN
NEGARA”.

CUTI Y.A.B. DATO' MUSA BIN HITAM DAN Y.B. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHEN—KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y.A.B. Dato' Musa bin Hitam bagi Kawasan Panti dari 10hb Mac, hingga 8hb April, 1986; dan
2. Y.B. Tuan Haji Affandy bin Tun Haji Mohd. Fuad Stephen bagi Kawasan Marudu dari 10hb Mac, hingga 8hb April, 1986.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

KONSEP PERDAGANGAN TERUS

1. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat manakah konsep perdagangan terus yang dipersetujui bersama semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Negeri China tahun lepas telah dapat dipraktikkan oleh Negeri China dan hingga kini berapa buah negara yang ada perdagangan terus dengan negara kita dan nyatakan negara-negara ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita belum lagi dapat mengukur sejauh mana konsep perdagangan terus ini dipraktikkan oleh Negeri China. Akan tetapi hasil

daripada perjanjian kerjasama di antara Majlis Galakan Perdagangan Luar China dan Majlis Bersama Dewan-dewan Perniagaan China-Melayu Malaysia yang telah ditandatangani semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Negeri China, saya difahamkan bahawa usaha-usaha sedang giat dilakukan oleh kedua-dua pihak untuk meningkatkan perdagangan secara terus di antara kedua-dua negara. Kerajaan sentiasa memberi sokongan ke atas usaha-usaha bagi meningkatkan perdagangan secara terus di antara Malaysia dan Negeri China.

Selain dari rundingan-rundingan dengan dua hala Kerajaan juga menggalakkan pertukaran lawatan rombongan dan penyertaan di dalam pameran-pameran perdagangan di antara kedua-dua pihak. Di samping itu Kerajaan juga telah memberi kelonggaran kepada pedagang-pedagang Malaysia untuk melawat Negeri China bagi tujuan ekonomi dan perdagangan. Ini dijangka akan membolehkan kedua-dua pihak meningkatkan persefahaman dan seterusnya menjalinkan hubungan urusanniaga secara terus.

Malaysia mempunyai hubungan perdagangan secara terus dengan banyak negara termasuklah Jepun, Amerika Syarikat, India, negara-negara Eropah dan Timur Tengah akan tetapi oleh kerana dasar perdagangan bebas yang kita amalkan, maka kemungkinan adanya unsur perdagangan tidak langsung di antara Malaysia dan negara-negara berkenaan tidaklah dapat dielakkan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, setakat ini kita dapati perniagaan dengan Negeri China ini banyak kita mengimport barang-barang daripada Negeri China dan

berbanding dengan barang-barang kita yang dijual kepada Negeri China misalnya getah, kelapa sawit, dan bijih timah. Ini tidaklah akan merugikan dari segiimbangan perdagangan negara kita berbanding dengan amat sedikit barangan kita dibeli oleh negara China itu sendiri.

Dan yang keduanya adakah Yang Berhormat Menteri Perdagangan mempunyai angka-angka tentang berapa peratuskan setakat ini perdagangan terus antara bangsa yang kita lakukan dan sebaliknya berapa peratus pula yang menggunakan negara ketiga seperti Hong Kong dan Singapura.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan kedua, saya memerlukan notis, kerana saya tidak mempunyai angka-angka yang boleh memberi penjelasan mengenai apa yang dipohon tadi oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh, tetapi menjawab soalan pertama, suka saya menyatakan di sini memanglah sekarang ini perniagaan di antara kita dengan Negeri China menguntungkan Negeri China oleh kerana kita lebih mengimport daripada eksport ke negeri itu.

Walau bagaimanapun, sebagaimana saya pernah berkata dalam Dewan yang mulia ini, kita terus berusaha menghantar rombongan-rombongan galakan untuk terus bukan sahaja menjual barangan asli kita tetapi juga barang-barang yang dibuat di Malaysia supaya diperkenalkan di sana dan dapat dijual pula di pasaran Negeri China, tetapi soalimbangan dagangan ini, suka saya tegaskan di sini bahawa tidak boleh kita memerhatikannya dari segi hubungan di antara dua negara semata-mata. Bagi kita selalunya kita memerhatikan kepada hubungan dagangan keseluruhan, kalau kita memikirkan tentang hubungan-hubungan dua hala maka barangkali banyak di antara negara-negara yang

berniaga atau berdagang dengan kita tidak patut kita teruskan, tetapi walau bagaimanapun kita berusaha memperbaiki keadaan ini dengan menambahkan rombongan galakan supaya dapat menjual lebih banyak barang-barang buatan kita dan keluaran kita ke negara-negara yang berdagang dengan kita.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar Yang Berhormat Mulia akan memberhentikan amalan AP untuk menggalakkan perdagangan secara terus, dan jika benar, apakah bentuk yang lain yang akan menggantikannya.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, itu sememangnya niat kita supaya dapat kita meneruskan jalinan hubungan dagangan ini dengan lebih licin dan teratur tetapi sehingga semangat perjanjian ini dicapai di antara kita dengan Negeri China belum dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya maka amalan sekarang akan diteruskan. Apakah bentuk peraturan yang akan dilaksanakan nanti akan diumumkan apabila sampai masanya nanti.

Tuan Yew Foo Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan konsep counter trade. Tadi dalam jawapan beliau ada mengatakan pada masa sekarang perdagangan sangat menguntungkan Negeri China, adakah pihak Kerajaan bercadang berunding dengan pihak China supaya semua bayaran diberikan dengan bahan mentah seperti minyak kelapa sawit atau getah.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, memang ada cadangan mengenai syarat counter trade dalam hubungan dagangan kita dengan Negeri China, tetapi setakat ini belum lagi ada sesuatu cadangan konkrit untuk melaksanakan cadangan ini.

PENGANGGURAN DAN PEMBUANGAN KERJA

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa masalah pengangguran dan pembuangan pekerja di negara ini telah mencapai satu tahap yang serius, jika sedar apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) jumlah bilangan pengangguran pada akhir Februari 1986 dan apakah yang sedang dilakukan untuk mengatasi ini dalam bentuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan untuk mereka yang menganggur.

11-3-86

22. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) berapakah jumlah penganggur yang berdaftar dengan Pejabat Buruh diseluruh negara yang belum mendapat pekerjaan sehingga berakhir Disember, 1985;
- (b) berapakah jumlah pekerja yang menjadi penganggur akibat pemberhentian kerja oleh pihak swasta berikutan dari kesan kemelesetan ekonomi sekarang; dan
- (c) apakah rancangan dan strategi Kerajaan di dalam menghadapi dan menyelesaikan masalah pengangguran di negara sekarang.

13-3-86

32. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Buruh menyatakan sama ada pekerja-pekerja yang dibuang kerja dalam berbagai bidang telah menjadi sesuatu masalah yang serius dan jika ya, menyatakan jumlah pengangguran yang diakibatkan oleh

Kemerosotan Ekonomi dan apakah langkah positif yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

14-3-86

9. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Buruh menyatakan oleh kerana ratusan ribu rakyat Malaysia pada hari ini telah ditimpa kerumitan hidup disebabkan telah dilucutkan dari jawatan pekerjaannya dan ada yang sudah sememangnya menganggur, maka apakah suatu langkah baru yang telah atau akan dirancangan satu dalam rancangan Kerajaan di masa kini supaya rakyat-rakyat Malaysia yang terlibat akan mendapat pekerjaan semula.

18-3-86

1. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Buruh menyatakan dalam keadaan resesi ekonomi negara banyak kilang-kilang telah mengurangkan bilangan pekerja-pekerjanya:

- (i) bilangan pekerja yang telah menganggur kerana "retrenchment" pada tahun 1985.
- (ii) apakah jenis pekerjaan yang paling terjejas akibat resesi ini; dan
- (iii) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memberi pekerjaan kepada mereka yang hilang pekerjaan.

18-3-86

23. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) program-program Kerajaan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru dan program-program latihan kepada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan dari

pekerjaan mereka kerana kemelesetan ekonomi dunia; dan

(b) dalam masa 12 bulan yang lalu jumlah pekerja-pekerja yang telah diberhentikan mengikut sektor-sektor ekonomi seperti berikut:

- (i) Perkilangan/Pembuatan;
- (ii) Perlombongan; dan
- (iii) Pemasangan Kereta/Motor;

dan berapakah daripada pekerja-pekerja tersebut dapat diberi latihan dan ditempatkan semula di sektior-sektor lain.

20-3-86

30. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Buruh menyatakan apakah langkah-langkah positif yang telah sedang dan akan diambil oleh pihak Kementeriannya mengenai masalah pemberhentian kerja di kalangan pekerja-pekerja di sektor swasta di negara ini kian hari kian meningkat.

21-3-86

20. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) jumlah orang yang menganggur di Malaysia kini;
- (b) jumlah pekerja-pekerja yang dibuang kerja sejak 12 bulan ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang Kerajaan ambil untuk memberi bantuan kepada penganggur-penganggur serta memastikan pembayaran faedah-faedah pemberhentian kerja yang munasabah dan cukup kepada pekerja-pekerja yang dihentikan kerja.

28-3-86

1. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pekerja-pekerja (Buruh) yang telah diberhentikan pekerjaan mereka sehingga akhir 1985 oleh majikan-majikan swasta, akibat dari kemelesetan ekonomi negara;
- (b) adakah Kementerian sedar bahawa ada majikan-majikan mengambil tindakan membuang pekerja-pekerjanya dengan sengaja (mengambil kesempatan dengan alasan ekonomi negara yang meleset). Kalau sedar, apakah usaha-usaha membasmi tindakan yang demikian; dan
- (c) apakah usaha-usaha pihak Kementerian untuk mengatasi pengangguran-pengangguran baru akibat dari pembuangan pekerja-pekerja yang begitu banyak terdapat pada hari ini.

1-4-86

27. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Buruh memberi angka-angka terbaru berhubung dengan pemberhentian kerja yang berlaku dalam perusahaan tekstil, lombong, letronik, kayu-kayan dan lain-lain bidang, dan apakah tindakan yang telah diambil untuk membantu pekerja-pekerja yang dibuang kerja itu.

1-4-86

19. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Buruh menyatakan memandangkan kes-kes pembuangan kerja (retrenchment) oleh kilang-kilang dari pelbagai industri seperti elektronik, motor, tekstil dan sebagainya secara besar-besaran

melibatkan beribu-ribu pekerja telah berlaku dalam tempoh setengah tahun yang lalu itu:

- (i) berapakah bilangan pekerja telah dibuang kerja setakat 31-1-1986;
- (ii) apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian Buruh untuk membantu pekerja-pekerja tersebut supaya penghidupan mereka tidak terjejas; dan
- (iii) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa pihak majikan tidak melakukan pembuangan kerja dengan sewenang-wenangnya melanggar Undang-undang Retrenchment dan pekerja-pekerja yang kurang bernasib baik itu telah dibayar faedah pemberhentian kerja (termination benefits) yang sewajar.

Menteri Buruh (Dato Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan yang bertumpukan kepada masalah yang sama ataupun hampir-hampir sama, seperti Ahli Yang Berhormat dari Jerai dan soalan-soalan untuk dijawab pada hari lain seperti dari Ahli Yang Berhormat dari Beruas pada 13hb Mac, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus pada 14hb Mac, Ahli Yang Berhormat dari Keluang pada 18hb Mac, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah pada 18hb Mac, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas pada 20hb Mac, 1986 dan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching pada 21hb Mac, Ahli Yang Berhormat dari Parit pada 28hb Mac, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi dan Ahli Yang Berhormat dari Kinta pada 1hb April.

Maka dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan juga untuk menjimatkan masa, saya ingin memberi satu jawapan yang menyeluruh kepada semua pertanyaan mengenai topik ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa masalah pengangguran dan pemberhentian kerja yang berlaku sekarang adalah satu isu nasional yang serius yang memerlukan perhatian Kerajaan. Atas kesedaran ini maka Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengurangkan atau mengatasi masalah ini. Seperti kita semua maklum sebab utama meningkatnya bilangan pengangguran di negara kita sekarang dan kejadian pemberhentian pekerja secara beramai-ramai adalah kerana keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang berlarutan yang telah memberi kesan yang buruk kepada negara kita.

Akibatnya ialah kurangnya permintaan terhadap barangan keluaran utama negara seperti bijih timah, getah, kelapa sawit dan lain-lain. Begitu juga dengan penutupan dan pemberhentian pekerja-pekerja kilang elektronik, ianya kurang permintaan dari luar negeri terhadap keluaran barang-barang tersebut.

Saya ingin meminta maaf kepada Ahli Yang Berhormat kerana tidak dapat memberi angka yang kemaskini mengenai pekerja yang telah diberhentikan sehingga akhir Februari 1986.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya sekarang sedang giat mengumpulkan angka-angka tersebut dan angka yang diketahui setakat ini ialah bilangan pekerja yang telah diberhentikan sehingga 31hb Disember, 1985. Di mana sejumlah 43,844 orang pekerja telah diberhentikan daripada angka tersebut

sejumlah 27,598 pekerja iaitu 63% ialah dari sektor pembuatan. 8,786 pekerja iaitu 20% dari sektor perlombongan. 4,843 pekerja iaitu 11.1% dari sektor perniagaan runcit, hotel dan restoran.

1,798 pekerja iaitu 4.1% dari sektor pertanian, perhutanan dan perikanan;

441 pekerja iaitu 1% dari sektor perkhidmatan;

322 pekerja iaitu 0.7% dari sektor pembinaan; dan

74 pekerja iaitu 0.1% dari sektor kewangan.

Bagi pecahan pekerja-pekerja yang diberhentikan dalam tahun 1985 mengikut negeri pula, beberapa buah negeri adalah paling teruk terjejas, seperti:

Perak seramai 10,123 pekerja;

Selangor 6,158 pekerja;

Pulau Pinang 5,550 pekerja;

Sarawak 4,790 pekerja;

Pahang Darulmakmur 4,402 pekerja;

Johor 3,466 pekerja; dan

Negeri Sembilan 2,769 pekerja.

Bagi negeri-negeri lain bilangan pekerja yang diberhentikan adalah minima.

Di dalam sektor pembuatan antara sektor-sektor industri kecil, yang teruk terjejas dan memberhentikan ramai pekerja dalam tahun 1985 pula ialah:

Industri kayu dan prosesan kayu seramai 12,705 pekerja;

Elektronik dan elektrik seramai 6,638 pekerja;

Tekstil dan pakaian seramai 4,816 pekerja;

Pemasangan kenderaan seramai 1,350 pekerja; dan

Industri keluaran barang-barang getah/kimia 913 pekerja.

Walaupun sejumlah 43,844 pekerja telah diberhentikan dalam tahun 1985, bilangan tersebut hanya merupakan 0.75% sahaja dari bilangan tenaga buruh yang terdapat dalam negara ini yang berjumlah 5,917,100. Daripada bilangan tenaga buruh tersebut, kira-kira 414,200 atau 7% daripadanya adalah menganggur atau tidak mempunyai pekerjaan dan angka ini tidaklah termasuk 43,844 orang yang telah diberhentikan kerja dalam tahun 1985 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan meningkatnya bilangan penganggur di negara ini kepada lebih 400,000 atau 7% dalam tahun 1985 dan angka ini mungkin meningkat sedikit dalam tahun 1986 dengan berlakunya kejadian pemberhentian pekerja-pekerja sekarang telah menjadikan ianya sebagai satu isu nasional dan mendapat perhatian dari semua pihak. Walau bagaimanapun, masalah ini bukanlah dialami oleh negara kita sahaja, kebanyakan negara-negara maju dan juga beberapa buah negara jiran di rantau ini juga mengalami masalah yang sama. Ekonomi negara kita mempunyai sumber-sumber yang mencukupi dan keupayaan untuk membangun semula dan mencapai tahap kemajuan yang lebih tinggi asalkan langkah-langkah yang berkesan diambil untuk meningkatkan daya pengeluaran dan mengurangkan kos pengeluaran.

Sepertimana yang saya sebutkan tadi Kerajaan memang mengambil berat tentang keadaan ekonomi negara kita dan beberapa langkah-langkah positif telah, sedang dilaksanakan bagi membantu pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja dan penganggur-amnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan yang telah diadakan pada 3hb Februari, 1986, masalah pemberhentian pekerja-pekerja telah dibincangkan secara terperinci.

Mesyuarat tersebut telah bersetuju supaya tiap-tiap negeri digalakkan membentuk sebuah pasukan petugas berdasarkan prinsip "tripartisme" atau "tiga penjuru" yang dianggotai oleh wakil-wakil pihak Kerajaan, majikan dan pekerja dengan tujuan, antara lain, ialah:

- (a) untuk mengkaji dan mengikuti perkembangan mengenai pemberhentian pekerja-pekerja di peringkat negeri;
- (b) untuk menempatkan semula pekerja-pekerja tersebut ke dalam pekerjaan-pekerjaan baru yang sesuai di sektor awam dan swasta; dan
- (c) untuk menyelaraskan program-program latihan semula yang sesuai.

Di peringkat Persekutuan pula, sebuah Jawatankuasa Penyelaras telah juga ditubuhkan dengan tujuan untuk menyelaras semua aktiviti-aktiviti pasukan petugas peringkat negeri serta agensi-agensi Kerajaan Kementerian-kementerian lain dalam usaha untuk membantu pekerja-pekerja yang telah diberhentikan itu, terutamanya untuk memberi latihan dan latihan semula dan juga mencari pekerjaan alternatif yang sesuai.

Di samping itu, pihak Kerajaan telah juga menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai kemelesetan ekonomi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan tujuan, antara lain, mencari jalan untuk membantu mengatasi masalah pengangguran dan pemberhentian pekerja-pekerja dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru dalam berbagai sektor ekonomi. Program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelima yang akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini juga mengandungi strategi-strategi untuk menambah peluang-peluang pekerjaan dan

mengurangkan kesan-kesan pengangguran dan pemberhentian pekerja-pekerja.

Saya suka juga menyatakan di sini iaitu daripada lebih 400,000 penganggur yang terdapat di negara ini hanya 80,681 sahaja yang telah mendaftar sebagai pencari kerja dengan Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya setakat Disember, 1985. Dari jumlah tersebut pula bukanlah semuanya yang benar-benar menganggur, kira-kira 8% dari angka tersebut telah pun mempunyai pekerjaan tetapi mendapat untuk mencari peluang kerja yang lebih baik. Dari jumlah 80,681 orang yang mendaftar tersebut, seramai 19,550 telah dapat ditempatkan dalam pekerja-pekerja buruh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Dato' Lee Kim Sai: Satu minit.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang sangat dalam soal-jawab. Jikalau panjang sangat tidak dapatlah kita menghabiskan sebahagian daripadanya.

Dato' Lee Kim Sai: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan pasukan petugas di peringkat negeri pula, Pulau Pinang sebenarnya telah pun menubuhkan pasukan petugas dari awal lagi dan beberapa langkah konkrit telah pun dan sedang mengambil tindakan dan langkah-langkah menyediakan peruntukan wang bagi melantik semua pekerja-pekerja tersebut dalam bidang-bidang kemahiran yang sesuai dan mudah mendapat kerja. Mengadakan jawatan-jawatan tambahan sambil untuk menempatkan semula semua pekerja-pekerja tersebut di mana yang dapat serta juga menubuhkan briged kerja bagi menjalankan projek-projek tertentu. Seramai 312 bekas pekerja-pekerja kilang telah dapat ditempatkan semula

di dalam berbagai pekerjaan di beberapa buah agensi setakat bulan Disember, 1985. Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain juga sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk membantu mengatasi masalah pemberhentian pekerja-pekerja ini khususnya dan pengangguran pada amnya.

Tuan Yang di-Pertua, pemberhentian kerja beramai-ramai ini ialah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dan tindakan ini terpaksa dilakukan oleh syarikat-syarikat berkenaan oleh kerana faktor-faktor di luar kawalan mereka. Walau bagaimanapun, pihak majikan akan terus dinasihatkan supaya mengambil tindakan tersebut hanya sebagai langkah terakhir. Kementerian saya berpuas hati kerana mendapati dalam kebanyakan kes pemberhentian kerja pekerja-pekerja yang terlibat telah diberi pampasan yang sewajarnya seperti yang diperuntukkan di bawah Undang-undang Buruh.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi sekarang ini, saya suka menggesa para penganggur juga pencari-cari kerja yang baru hendak bersedia menerima apa juga peluang pekerjaan yang ada terutamanya dalam sektor-sektor pembinaan dan perladangan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa ada sebilangan syarikat yang membuang pekerja-pekerjanya, hanya kerana ingin menerokai teknologi baru yang tidak memerlukan khidmat buruh ataupun hendak mengurangkan kos pengeluaran tetapi menjadi kemelesetan ekonomi sebagai satu alasan. Sekiranya Yang Berhormat sedar maka saya ingin mendapat tahu, apakah tindakan yang telah diambil oleh Jawatankuasa yang berkenaan untuk mencegah perkara ini?

Yang kedua, sama ada Kementerian yang berkenaan telah membuat kajian tentang kesan buruh asing terhadap masalah pengangguran dan sekiranya ini ada dibuat, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengharam semua buruh asing daripada merebut peluang pekerjaan di negara kita?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya mengikuti perkembangan pemberhentian pekerja-pekerja sekarang dengan mengambil langkah-langkah supaya mencegah ataupun mengelakkan pemberhentian kerja itu dilakukan untuk kepentingan syarikat-syarikat yang berkenaan. Tetapi yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu cuma merupakan satu tanggapan yang general sahaja kerana Kementerian saya belum mendapat satu-satu tuduhan ataupun satu-satu syarikat yang dilaporkan mengambil tindakan melakukan pemberhentian kerja itu untuk kepentingan syarikat sahaja.

Untuk membayangkan pemberhentian pekerja-pekerja itu dilakukan kerana di luar kawalan syarikat, suka saya memberitahu Dewan yang mulia ini, mengikut rekod Jabatan-jabatan di bawah Kementerian, jumlah pampasan yang diketahui telah dibayar oleh syarikat-syarikat dan majikan di seluruh negara kepada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja adalah berjumlah \$43,224,877 bagi sepanjang tahun 1985 sehingga akhir bulan 1986. Dan jumlah ini termasuklah pembayaran yang dibuat kepada 5,550 orang pekerja yang diberhentikan oleh 39 buah syarikat di Pulau Pinang di mana pampasannya berjumlah \$14,317,341 dengan pampasan yang terpaksa dibayar oleh syarikat-syarikat yang melakukan pemberhentian pekerja-pekerja itu boleh membayangkan bahawa exercise ataupun tindakan diambil untuk melakukan pemberhentian itu dianggap

keseluruhannya ialah tindakan memberhentikan pekerja itu adalah benar.

Berkenaan dengan soalan yang kedua mengenai buruh asing, Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian sedar bahawa terdapat juga di sana sini dikatakan majikan-majikan banyak mengambil atau menggaji buruh asing pada masa sekarang. Tetapi suka saya menjelaskan, Kementerian saya sedang mengikuti kedudukan pada keseluruhannya dan berhubung dengan majikan-majikan yang didapati menggaji pekerja pendatang haram, mereka boleh didakwa di bawah Seksyen 5(1) Akta Sekatan Kerja 1968.

Kementerian telah membuat beberapa tindakan serbuan kepada beberapa kawasan untuk memastikan sama ada pekerja-pekerja dari asing atau pendatang-pendatang haram banyak didapati bekerja di tempat-tempat tertentu. Tetapi sekarang saya tidak dapat memberitahu kawasan-kawasan yang berkenaan dan bilangan-bilangan yang dudaoati ketika Kementerian saya melakukan tindakan serbuan kerana kes-kes yang berkenaan masih dalam proses penyiasatan.

PELAMPAU AGAMA— MEMBENTERAS KEGIATAN

3. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah dan tindakan yang berkesan telah dilakukan oleh Kerajaan selepas mengeluarkan Kertas Puteh mengenai Ancaman kepada Perpaduan Umat Islam Dan Keselamatan Negara pada bulan November, 1984 dahulu, dan apakah peristiwa trajedi Memali itu berlaku akibat golongan pelampau agama semata-mata atau adanya eksploitasi agama orang Partai Komunis Malaya (PKM) sebagaimana yang didedahkan dalam kertas putih itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berwaspada dan mengambil tindakan positif bagi membenteras kegiatan-kegiatan pelampau agama yang telah menimbulkan perpecahan di kalangan orang-orang Melayu khususnya dan umat Islam di negara ini amnya. Sehingga kini, mereka yang bertanggungjawab telah pun diambil tindakan di bawah peruntukan undang-undang pencegahan dan undang-undang jenayah.

Di samping itu, Jabatan-jabatan Agama Negeri turut bertindak memperkemarkan sistem pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang dan selaras dengan ini, tindakan-tindakan ke atas mereka yang terlibat dalam ajaran-ajaran sesat telah pun dipertingkatkan.

Selain daripada mengambil tindakan undang-undang, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri turut juga memainkan peranan penting menganjurkan beberapa muzakarah, nadwah, kursus dakwah dan ceramah agama termasuk siaran dalam media massa untuk menerangkan ancaman yang wujud serta cara-cara mengenalpasti bukan sahaja ciri-ciri penyelewengan dalam ajaran-ajaran sesat bahkan juga anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab supaya Umat Islam sentiasa berwaspada bagi memelihara dan menggalakkan perpaduan masyarakat Islam di negara ini.

Mengenai peristiwa Memali, ianya berpunca dari kegiatan golongan pelampau yang telah mengeksploitasi isu agama bagi kepentingan diri dan politik mereka. Sehingga kini tiada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa peristiwa tersebut tercetus ekoran daripada eksploitasi agama oleh pihak Komunis.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pernahkah pihak yang berkenaan, pihak Kerajaan mengeluarkan takrif dan definisi “pelampau” supaya rakyat boleh memahami dengan sepenuhnya di mana sekatannya dan di mana limitnya “pelampau” atau “tidak pelampau”.

Yang keduanya, muzakarah yang disebut oleh Yang Berhormat sekejap tadi, pernahkah pihak yang berkenaan yang menganjurkan muzakarah ini menjemput sama orang-orang yang dianggap melampau supaya mereka juga boleh memberi pandangan dalam muzakarah yang berkenaan?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kalau Yang Berhormat membaca dengan telitinya Kertas Puteh yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada 8hb November, 1984 lagi, saya percaya Yang Berhormat boleh mengenal-pasti apa yang dimaksudkan dengan pelampau tadi.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat yang kedua, memanglah perkara ini berada dalam perhatian Kerajaan.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri; segala kursus, dakwah, nadwah, muzakarah dan sebagainya telah Kerajaan lakukan dan selepas daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kerajaan ini masih juga terdapat pandangan-pandangan yang agak berlawanan dengan apa yang diputuskan oleh nadwah, muzakarah dan sebagainya. Jadi, apakah pandangan Kerajaan terhadap sikap penentangan yang berlaku dalam masyarakat berhubung dengan segala petua yang dengan ini tentulah langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan, sebanyak mana wang yang dihabiskan oleh Kerajaan bagi

melakukan perkara ini adalah sia-sia belaka kalau suatu golongan lain tidak mengakui apa yang dibuatkan oleh Kerajaan. Saya di sini ingin mendapat pandangan daripada pihak Kerajaan dalam hal ini.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memanglah telah pun diterangkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan akan bertindak kepada mereka yang melanggar undang-undang negara dan Kerajaan akan berusaha seberapa upaya untuk menganjurkan berbagai muzakarah, nadwah dan kursus dakwah yang saya sebutkan tadi yang mana Yang Berhormat sendiri telah mengikuti melalui siaran dalam media masa. Tetapi mengenai tindakan Kerajaan kepada mereka yang cuba mengancam ketenteraman dan keselamatan negara, Kerajaan tidak akan bertolak ansur dan akan mengambil tindakan terhadap mereka itu.

GURU AGAMA MAJLIS AGAMA ISLAM SABAH

4. Tuan Mohd. Yussof bin Haji Yakob minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah guru agama Majlis Agama Islam Sabah yang telah diambil alih perkhidmatan mereka oleh Kementerian Pelajaran dengan menyatakan sama ada gaji akhir semasa mereka berkhidmat dengan MUIS itu diambil kira sebagai tanggagaji kemasukan (entry point) mereka semasa perkhidmatan mereka diambil oleh Kementerian Pelajaran.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan Guru Agama Majlis Agama Islam Sabah telah diambil alih oleh Kementerian Pelajaran secara kontrak mulai dari 1-1-1978. Jumlah mereka yang terlibat ialah seramai 432 orang.

Sementara itu penempatan mata gaji masuk adalah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran secara penyelarasan gaji iaitu dari gaji akhir mereka semasa mereka di bawah Majlis Agama Islam Sabah ke Skim Gaji Kabinet mulai 1-1-1978.

KERAJAAN BARU FILIPINA— REAKSI MALAYSIA/ASEAN

5. Tuan Bahari bin Haron minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah reaksi Malaysia dan rakan-rakan dalam ASEAN mengenai keadaan yang terdapat di negara Filipina selepas pilihanraya Presiden baru-baru ini. Apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan kestabilan keselamatan ASEAN berikutan dengan keadaan di negara tersebut.

12-3-86

9. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia tidak akan mengiktirafkan Ferdinand Marcos sebagai Presiden Filipina berasaskan kepada penipuan yang berlaku dalam pilihanraya presiden baru-baru ini di Filipina.

14-3-86

15. Tuan Ling Siew Ming minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kemunculan Encik Marcos, sebagai Presiden Negara Filipina dalam Pilihanraya Presiden tidak lama dulu akan ataupun tidak menguatkan penggerakan komunis di negara itu. Dalam hubungan ini, sama ada keadaan itu akan menjejaskan keadaan stabil di antara ASEAN sehingga menimbulkan keadaan yang tidak diinginkan.

3-4-86

25. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Luar Negeri memberitahu bagaimana keputusan Pilihanraya

Presiden yang diadakan di Filipina baru-baru ini akan menjejaskan masa depan dan kestabilan konsep ASEAN dan sama ada Kerajaan Malaysia telah memperkukuhkan pertahanan kita di sempadan Sabah/Filipina untuk mencegah apa-apa konflik yang timbul ekoran Pilihanraya Presiden di Filipina.

4-4-86

11. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kesan terjejasnya keharmonian dalam kerjasama di antara negara-negara ASEAN khususnya dengan Malaysia berikutan dari kesan Pilihanraya Presiden di Filipina dan kesan bantahan Kerajaan Malaysia ke atas Singapura berhubung dengan kenyataan Timbalan Pertama Perdana Menteri Singapura—Goh Chok Tong baru-baru ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 12-3-86, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul pada 4-3-86, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching pada 3-4-86 dan Ahli Yang Berhormat dari Jerai pada 4-4-86, oleh sebab soalan-soalan itu ada kaitan dan adalah bertujuan sama dengan soalan pada hari ini.

Berikutan dengan penubuhan Kerajaan baru di bawah pimpinan Puan Corazon Aquino, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang lain telah mengalukan kerajaan baru ini dan menyeru agar Kerajaan baru Filipina akan terus memberi sumbangannya untuk menjayakan segala hasrat ASEAN untuk mempertingkatkan kerjasama serantau terutamanya dalam bidang ekonomi, lebih-lebih lagi memandangkan cabaran ekonomi yang dihadapi sekarang oleh negara-negara anggota ASEAN.

Seruan ini telah diterima baik oleh Filipina, malah Puan Aquino telah berikrar akan memberi perhatian utama dan kerjasama sepenuhnya kepada ASEAN demi menjaminakan kejayaan pertubuhan ini serta untuk kemakmuran dan kestabilan serantau ini.

Tuan Yew Foo Weng: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mengenai dengan ancaman komunis atau MPA di Filipina itu, pada masa sekarang adakah mereka sedang bergerak dan kalau mereka adalah sangat aktif adakah ini menjejaskan keselamatan ASEAN? Yang kedua, apakah sikap Kerajaan yang baru ini tentang tuntutan negeri Sabah?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa soalan yang kedua itu tak bersangkutan dengan pertanyaan asal, yang pertama sahaja.

Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Memanglah kedua buah Kerajaan Marcos dahulu dan Puan Aquino sekarang juga menganggap MPA itu sebagai satu ancaman terhadap Filipina. Walau bagaimanapun Kerajaan yang ada sekarang ini sedang pun mengadakan berbagai rancangan dan tindakan-tindakan untuk menghadapi masalah MPA ini iaitu termasuk mengadakan perundingan dengan mereka.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan. Dalam konteks perhubungan yang lebih erat di antara anggota-anggota negara dalam ASEAN ini satu faktor yang melanggarkan perhubungan lebih erat ialah soalan Sabah dan soalan saya ialah bagaimanakah Kerajaan negara kita akan menyelesaikan masalah ini dengan kerajaan baru di Filipina dan adakah benar bahawa pemimpin-pemimpin di perjuangan MORO atau MNLF sekarang tinggal di Sabah yang

mengeluarkan perjuangan mereka daripada Sabah dan dilantik oleh Kolonel Gaddafi dari Libya?

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan soalan keselamatan itu harap jawab.

Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah nyatakan dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali bagi kita tidak ada masalah Sabah, Sabah adalah sebahagian dari Malaysia dan ini diakui oleh seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan keselamatan, pertanyaannya ialah mengenai keselamatan di Sabah.

Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Mengenai jawapan kedua itu mengenai soal MORO itu, suka saya menyatakan bahawa bukanlah tujuan Malaysia untuk campurtangan dalam hal ehwal negara-negara lain. Ini juga termasuk Filipina.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Soalan tambahan. Apakah pendirian Kerajaan Filipina yang baru itu terhadap pendatang haram yang membanjiri Sabah pada pendapat Timbalan Menteri?

Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yang baru di Manila itu belum lagi membuat sesuatu pendirian mengenai orang-orang pelarian Filipina di Sabah. Saya rasa perkara ini sudah tentu akan dihadapi apabila mereka sudah pun dapat memahami isu itu kelak.

MARDI—MENGATASI PENYAKIT TANAMAN

6. **Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan berpuas hati dengan kajian-kajian pertanian yang telah dibuat oleh MARDI terutama dari segi ketahanan

penyakit pertanian ke atas padi dan lain-lain tanaman pertanian seperti buah-buahan; dan

- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa ramai petani-petani yang merasa curiga mengenai keupayaan MARDI dalam menjalankan penyelidikan kajian penyakit memandangkan beberapa jenis penyakit padi dan tanaman buah-buahan tidak dapat dikawal dengan berkesan oleh MARDI. Kalau sedar apakah langkah-langkah bagi mengatasinya.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian berpuas hati dengan kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh MARDI meskipun masih terdapat ruang yang boleh diperbaiki dalam usaha mengeluarkan teknologi wajar bagi pembangunan sektor pertanian. MARDI menumpukan perhatian kepada penyelidikangunaan yang meliputi pengeluaran, pengendalian, pengangkutan dan pemprosesan tanaman-tanaman untuk makanan dan industri, tanaman-tanaman eksport yang sedia ada dan tanaman-tanaman yang mempunyai potensi untuk dieksport.

Secara lebih spesifik, tanaman yang diberi keutamaan dalam penyelidikan adalah padi, koko, buah-buahan, tembakau, sayur-sayuran, bijiran, tanaman hiasan. Bagi tanaman padi, 15 varieti telah diisytiharkan. Antara aspek yang mendapat perhatian istimewa ialah mencari kaedah yang dapat mengawal makhluk perosak terutama karah, penyakit merah, virus, benaperang, kutu beruang, pianggan dan tikus yang menjadi perosak yang terpenting dalam perusahaan padi.

Pengawalan sesuatu penyakit atau makhluk perosak seperti benaperang atau penyakit merah atau tikus bagi tanaman padi bukan tergantung kepada teknologi semata-mata tetapi kepada usaha bersepadu agensi-agensi

pengembangan dan agensi pembangunan dan sumbangan petani-petani sendiri. Semburan racun, amalan kutura, varieti dan lain-lain tindakan yang disyorkan jika tidak diamal tidak mungkin dapat mengawal pemerebakan sesuatu makhluk perosak.

Sebenarnya makhluk perosak yang penting dalam perusahaan padi seperti benaperang dan penyakit merah telah dapat dikawal, alhamdulillah, hasil dari usaha bersepadu jabatan-jabatan berkenaan dengan kerjasama sepenuhnya dari petani-petani.

KUMPULAN IBRAHIM MAHMOOD—SIASATAN

7. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian berpuas hati atau sebaliknya dengan siasatan yang lama, kawalan yang rapi, pelawaan dan tawaran serah diri diusahakan berkali-kali dan seterusnya tindakan menangkap dibuat dalam masa yang sewajarnya dengan taktik yang cekap terhadap kumpulan Ibrahim Mahmood yang mana telah berlaku peristiwa hitam dan mengakibatkan kematian 18 orang termasuk 4 orang pasukan keselamatan tercedera.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang berpuas hati dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Polis untuk menangkap Ibrahim Mahmood dan ahli-ahli kumpulannya seperti yang diterangkan di dalam Kertas Putih "Peristiwa Memali".

GURU BAHASA MALAYSIA—KEKURANGAN

8. Tuan Haji Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) di dalam usaha Kementerian mengatasi kekurangan Guru Bahasa Malaysia dan Mata-mata

pelajaran Sastera yang lain di sekolah-sekolah menengah hari ini, apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh Kementerian ini; dan

- (b) berapakah ramai bilangan guru-guru Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Geografi/Sejarah, Sains dan Matematik yang telah menamatkan Kursus Latihan Pengurusan Maktab dan Universiti bagi tahun 1984 dan 1985.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi kekurangan guru-guru Bahasa dan Sastera setakat ini ialah:

- (i) universiti-universiti dan maktab-maktab perguruan tempatan mengambil lebih ramai pelajar-pelajar untuk membuat pengkhususan dalam bidang Bahasa dan Sastera, selain daripada mata-mata pelajaran yang lain.
- (ii) calon-calon yang membuat pengkhususan dalam bidang Bahasa dan Sastera diberi keutamaan untuk mendapatkan biasiswa Kementerian Pelajaran di universiti-universiti tempatan.
- (iii) mengadakan Kursus Intensif bagi sebahagian dari siswazah-siswazah Sains yang terlatih, yang benar-benar baik dan yang berkebolehan dan juga yang belum mendapat apa-apa pekerjaan untuk membolehkan mereka mengajar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

- (iv) mengambil pemegang-pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam yang mempunyai pengkhususan dalam bidang bahasa dan sastera untuk menjadi guru sandaran.

- (v) menghantar keluar negeri beberapa orang bakal guru di bawah Rancangan TASEL dan TOEFL.

- (b) Bilangan guru Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Geografi/Sejarah, Sains dan Matematik yang lulus bagi tahun berkenaan untuk latihan Maktab dan Ijazah adalah seperti berikut:

Tahun	Latihan Maktab	Ijazah
1984	4,880 orang	1,428 orang
1985	3,674 ,,	1,020 ,,

Bilangan guru mengikut jurusan opsyen mereka, tidak boleh saya beri sekarang kerana ia memerlukan laporan yang panjang.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tujuannya untuk menghantar bakal-bakal guru keluar negeri untuk mengikuti kursus TASEL dan TOEFL memandangkan bahawa di negara kita sendiri kita mempunyai kemudahan-kemudahan untuk melatih guru-guru bahasa Inggeris?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, rancangan ini ialah rancangan yang terusan, namun kita juga sentiasa mengkaji sama ada ianya perlu atau tidak. Tetapi setakat ini kita memikirkan ianya masih perlu untuk mendedahkan mereka dengan cara-cara mengajar bahasa Inggeris di negara-negara asing seperti Britain dan juga Amerika Syarikat supaya apabila mereka kembali mereka akan dapat menjadi guru-guru yang bukan hanya boleh berbahasa Inggeris secara orang

Melayu berbahasa Inggeris, tetapi boleh berbahasa Inggeris secara orang Inggeris berbahasa Inggeris. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta terlampau banyak sangat.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi kita sentiasa mengkaji perkara ini.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa pada tahun 1985 seramai 3,674 orang guru tanpa ijazah yang telah atau menamatkan latihan dan 1,020 orang guru berijazah yang telah menamatkan latihan. Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSR) akan bermula sepenuhnya pada tahun 1980. Jadi saya ingin tahu bilakah Kementerian Pelajaran akan memulakan latihan perguruan bagi guru-guru KBSM ini.

Kedua, adakah pada masa ini Kementerian berpuas hati dengan program Latihan Hujung Minggu dan Latihan Cuti Penggal bagi guru-guru KBSR?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita masih meneliti di peringkat yang akhir untuk melaksanakan KBSM. Seterusnya kita akan mengarah pihak Bahagian Latihan Guru supaya di Maktab-maktab Perguruan itu akan diperkenalkan dengan cara-cara bagaimana KBSM dan proses pembelajaran di sekolah-sekolah ini akan dijalankan nanti oleh guru-guru yang terlatih. Dan masanya saya rasa dari hari ini hingga ke tahun 1989 diharapkan mencukupi untuk kita meneruskan rancangan ini.

Kedua, kita sekarang berpuas hati walaupun kita sentiasa mengkaji dari masa ke semasa akan kelemahan-kelemahan yang mungkin timbul. Namun demikian kita puas hati dan kita terus mengadakan ini untuk

menampung keperluan guru yang dikehendaki oleh negara di masa kini dan di masa akan datang.

KEMISKINAN KAUM NELAYAN

9. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Pertanian menyatakan apakah strategi-strategi Kerajaan mengikut Rancangan Malaysia Kelima bagi mengatasi masalah kemiskinan kaum nelayan di negara ini.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, di dalam Rancangan Malaysia Kelima strategi Kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan kaum nelayan adalah seperti berikut:

- (a) peningkatan daya pengeluaran melalui pemilikan bot-bot besar dan peralatan moden.
- (b) pembinaan unjam-unjam dan tukun-tukun tiruan untuk membaikpulih sumber perikanan yang merosot.
- (c) mempertingkatkan penyelidikan dan pengawasan ke atas sumber untuk membolehkan pengurusan secara wajar, saintifik dan ekonomik.
- (d) menjalani penyelidikan dan kerja pengembangan dalam aspek pengendalian dan pemerosesan ikan untuk mengurangkan kerosakan hasil serta menambah nilai hasil.
- (e) mewujudkan sistem pemasaran ikan yang lebih berkesan untuk faedah nelayan dan pengguna, khususnya sistem lelong di kompleks-kompleks pendaratan ikan, serta penglibatan nelayan dalam memasarkan ikan-ikan secara langsung di pasar-pasar tani.
- (f) pengukuhan Persatuan-persatuan Nelayan (PN) dengan menggabungkan PN-PN di

bawah Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT). Kegiatan-kegiatan ekonomi berasaskan perikanan akan diswastakan kepada NEKMAT untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi.

- (g) penempatan semula terutama nelayan pantai kepada aktiviti-aktiviti perikanan laut dalam, projek-projek ternakair, rancangan-rancangan tanah pertanian dan sektor-sektor lain yang lebih produktif.
- (h) menggalakkan perusahaan ternakair secara komersial.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian, dahulu pihak Kerajaan ada memberi subsidi-subsidi motobot kepada nelayan-nelayan, hari ini didapati tidak ada lagi. Apakah pengganti-penggantinya supaya nelayan-nelayan ini dapat memenuhi pekerjaan mereka sebagaimana biasa, kerana di antaranya bot-bot yang diberi subsidi oleh Kerajaan dahulu telah pun musnah dan buruk, tidak dapat digunakan lagi. Maka apakah tindakan kerajaan dalam perkara ini? Itu soalan pertama.

Yang kedua, hari ini dapati bot-bot besar dari Thailand datang ke negara kita memukat ikan dengan secara berleluasa membawa kepada kebimbangan setengah-setengah nelayan-nelayan yang kecil dalam negara ini. Apakah kajian ataupun puas hatinya Kerajaan dalam perkara-perkara seumpama ini?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Skim Subsidi Motobot yang lama itu telah dihentikan, tetapi bantuan-bantuan bentuk lain telah dipanjangkan untuk kemudahan para nelayan. Di antara lain yang kita anggap besar ialah Skim Kemudahan

Kredit (SKK), di mana pinjaman tanpa faedah sehingga \$300,000 boleh diberi dan jua bagi peralatan penangkapan secara moden untuk kegunaan nelayan-nelayan. Begitu juga skim ini diberikan kepada nelayan-nelayan untuk bot-bot yang lebih kecil atau sederhana dan kurang daripada 40 tan dengan had maksima \$60,000.

Mengenai ancaman bot-bot dari Thailand dan juga negara-negara asing tindakan-tindakan telah diperhebatkan meskipun masalah ini masih dihadapi, tetapi Kerajaan tetap bertegas dan setiap bot yang telah ditangkap diambil tindakan dan didenda maksima sepertimana yang diperuntukkan dalam Akta Perikanan. Selain daripada itu Majlis Keselamatan Negara telah mengadakan satu Unit Maritime untuk menyelaraskan kegiatan enforcement yang lebih berkesan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk mengatasi masalah kemiskinan kaum nelayan.

Kedua, apakah langkah-langkah yang konkrit untuk melindungi nelayan-nelayan di pantai di mana kampung-kampungnya di makan laut seperti di Sabak, Kelantan baru-baru ini.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Minta penjelasan mengenai soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nelayan-nelayan di Pantai Timur terutamanya di mana pantai-pantai ini di makan laut. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya was-was adakah perkara itu di bawah Kementerian Pertanian?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Di bawah Jabatan Parit dan Taliair.

Tuan Yang di-Pertua: Laut makan pantai ini.....(*Ketawa*)

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, jumlah yang tepat ini akan hanya diumumkan tatkala pengumuman rasmi yang dibuat tatkala membentangkan Rancangan Malaysia Kelima minggu depan.

Kedua, mengenai hakisan pantai ini tidak melibatkan pendapatan nelayan kerana hakisan pantai ini tidak menyebabkan ikan itu musnah. Yang musnah rumah dan pantai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembedaan kepada soalan saya di baris yang kedua. Pembinaan jalan-jalan dari Lawas ke Kuala Lawas, bukan dari Punang ke Lawas.

Tuan Yang di-Pertua: Dari Lawas ke

Tuan Mutang Tagal: Dari Lawas ke Kuala Lawas, oleh kerana jalan raya dari Punang ke Lawas sudah dibina tetapi Lawas ke Kuala Lawas belum siap. Dengan pembedaan itu, Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 10.

JALAN RAYA LAWAS KE KUALA LAWAS

10. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengapa projek pembinaan jalan raya dari Lawas ke Kuala Lawas dan ke Sundar masih belum siap walaupun pembinaan telah pun dijalankan beberapa tahun yang lepas. Adakah beliau sedar bahawa walaupun wang sejumlah \$5 juta telah pun dibelanjakan untuk memperbaiki lebuh raya di daerah Lawas, taraf dan mutu jalan raya tersebut adalah masih dalam keadaan buruk dan batu-bata yang dibekalkan oleh kontraktor kepada JKR Lawas

dalam tahun 1985 adalah tidak mencukupi. Jikalau sedar, adakah Kerajaan membuat siasatan mengenai dengan pembekalan batu ini bagi menentukan isi dan banyaknya batu yang telah dipakai dan yang masih ada disimpan adalah mengikut amaun yang ditetapkan dalam tawaran-tawaran yang dikeluarkan oleh JKR dalam tahun 1985. Adakah Kerajaan bercadang supaya pihak ACA (BPR) menyasat perkara ini. Jika tidak, mengapa.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, mengikut dengan pembedaan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat tetapi berhubung dengan jalan dari Lawas ke Sundar atau Lawas ke Kuala Lawas, ianya masih lagi dalam pembinaan yang mana bahagian jalan dari terusan ke Sundar sepanjang 13.9 km telah pun 50% disiapkan. Manakala bahagian jalan dari Lawas ke terusan sepanjang 21 km yang telah dibina dalam Rancangan Malaysia Kedua, adalah termasuk dalam rangkaian Lebuh raya Pan Borneo yang telah dirangkaikan dalam Rancangan Malaysia Keempat yang mana peruntukan untuk menaikkan taraf lebuh raya itu telah pun dipohon dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Mengenai peruntukan \$5 juta yang disebut itu ianya adalah digunakan untuk membina jalan terusan ke sempadan Brunei, jambatan Sungai Merengang dan kerja-kerja pada jalan Lawas, Merapok, Sandumin yang mana kerja-kerja itu sedang dijalankan.

Mengenai perbekalan batu di JKR Lawas, adalah tidak benar bahawa kuantiti batu yang dihantar oleh pembekal tidak mencukupi dan pada tahun 1985 ingin saya menyatakan bahawa batu-bata yang dihantar ke JKR Lawas adalah sentiasa diperiksa dari masa ke semasa. Saya difahamkan

bahawa tidak ada sebarang penyelewengan berlaku. Saya juga difahamkan bahawa pihak BPR tempatan sentiasa membuat siasatan dan pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa dan setakat ini tidak ada apa-apa laporan mengenai penyelewengan dalam pembekalan batu-batu tersebut.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan sama ada beliau sedar bahawa salah satu kontraktor yang membekalkan batu ke JKR Lawas ialah yang mempunyai anak menjadi resident engineer di Lawas sendiri dan oleh kerana keadaan ini telah pun menimbulkan sakwasangka di kalangan orang ramai di Lawas dan di Limbang bahawa adalah memang satu kenyataan di kalangan orang ramai bahawa walaupun wang sebanyak itu telah pun dibelanjakan tetapi evidence iaitu taraf jalan raya di Lawas masih dalam keadaan yang buruk dan jikalau batu itu telah dibekalkan untuk kegunaan JKR untuk mempertingkatkan taraf jalan raya, mengapa keadaan jalan raya itu masih buruk sekarang dan belum ditar walaupun peruntukan itu diberikan oleh Kementerian Kerjaraya peringkat Persekutuan untuk mengetar jalan raya di Lawas memandangkan itu merupakan jalan raya Pan Borneo Highway yang akan menghubungkan Brunei dan Sabah. Jikalau Menteri sedar, adakah Menteri bercadang supaya pegawai tersebut dipindahkan ke tempat lain supaya mengelakkan sakwasangka yang akan timbul di kalangan orang ramai dan nama JKR akan menjadi buruk? Terima kasih.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau seorang akan menjadi kontraktor kepada JKR, ini bukan bererti anak beliau tidak boleh bekerja dalam JKR (*Ketawa*). Mengikuti dengan undang-undang, jikalau JKR akan memberi kuasa kepada Jurutera itu untuk menjaga atau menyiasat

batu-bata yang dibekalkan kepada kerja-kerja JKR itulah salah, apa yang kita katakan, conflict of interests. Tetapi saya suka menjawab kepada Ahli Yang Berhormat, walaupun saya telah menjelaskan dalam jawapan saya tadi, tetapi di dalam soalan tambahan Yang Berhormat tambah lebih sedikit daripada soalan asal iaitu meminta saya mengapakah taraf jalan itu tidak berapa sesuai. Tetapi soalan asalnya bukan berkenaan dengan taraf jalan.

Jikalau Yang Berhormat membangkitkan kepada saya berkenaan dengan taraf jalan, saya sudah pun memberi jawapan di atas perkara ini. Jikalau taraf jalan itu tidak beberapa sesuai, ini bukan ertinya berkenaan dengan perbekalan batu. Walau bagaimanapun saya boleh menyiasat. Tetapi tuduhan-tuduhan diberi oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan Jurutera, bernasib tidak baik dia menjadi anak kepada kontraktor itu, saya akan siasat, jikalau saya dapat tahu beliau ada apa-apa hubungan dengan perkara ini, saya boleh tukarkan dia kepada tempat yang lain. Tetapi saya minta kepada Ahli Yang Berhormat, apabila dia sudah ditukarkan kepada tempat yang lain, jikalau ini boleh menimbulkan masalah politik, janganlah menulis surat kepada saya supaya menghantar dia balik ke kawasan Yang Berhormat. Itu sahajalah jawapan daripada saya.

Tuan Yang di-Pertua: masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 29 adalah diberi di bawah ini.)

BANJIR KILAT DI KUALA LUMPUR

11. Tuan Ibrahim Azmi Hassan minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan akhir-akhir ini kerap kali berlaku banjir-banjir kilat khasnya di

Bandaraya Kuala Lumpur, sama ada ini ada kaitannya dengan kelemahan sistem perparitan; jika ada, apakah langkah-langkah baru untuk mengatasi masalah ini supaya tidak bertambah rumit di masa-masa akan datang.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini untuk menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Setapak bertarikh 14 Mac 1986 dan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bertarikh 19 Mac 1986 yang menyentuh perkara yang sama.

(a) Banjir kilat yang sering berlaku di Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh beberapa perkara iaitu:

- (i) Hujan yang berlaku dengan keamatan yang tinggi dalam jangka masa yang singkat. Akibatnya air melimpah daripada longkang-longkang serta juga terjadi aliran balik (backflow) daripada sungai-sungai;
- (ii) Kelodakan di sungai-sungai yang disebabkan oleh kurangnya pengawalan undang-undang Kerja Tanah di luar kawasan Wilayah Persekutuan. Ini mengakibatkan berkurangnya muatan sistem pengaliran sungai dan seterusnya mengakibatkan berlakunya air melimpah dari tebing sungai dan membanjiri kawasan-kawasan rendah;
- (iii) Keadaan tebing yang tidak kukuh sepertimana yang telah berlaku pada tebing Sungai Kelang yang telah runtuh akibat tekanan dan hakisan Sungai Kelang.

(b) Kementerian Wilayah Persekutuan memang sentiasa mengambil perhatian yang berat mengenai kejadian banjir di Wilayah Persekutuan. Dalam perkara ini Kementerian Wilayah Persekutuan telah dan sedang melaksanakan beberapa projek perparitan sebagai langkah-langkah mengelakkan berlakunya banjir kilat di Wilayah Persekutuan. Di samping itu satu pasukan khas (Emergency Squad) yang bertanggungjawab membersihkan sampah sarap di longkang-longkang dan sungai-sungai juga telah dibentuk. Pasukan khas ini telah dapat mengurangkan kemudaratan kejadian banjir di Kuala Lumpur.

(c) sehingga kini Dewan Bandaraya telah menyiapkan 19 projek perparitan dengan perbelanjaan sebanyak \$26,639,000.00. Di samping itu 4 buah projek lagi sedang dalam peringkat pembinaan dengan anggaran perbelanjaan sebanyak \$11,540,000.00. 5 buah projek lagi sedang dalam peringkat rekabentuk dan penyediaan tawaran bangunan dengan anggaran kos sebanyak \$44,370,000.00.

Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan pula telah membelanjakan sebanyak \$15 juta untuk projek perparitan bandar.

PELAJAR MALAYSIA PERSENDIRIAN DI UNIVERSITI AUSTRALIA

12. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) bilangan pelajar-pelajar Malaysia persendirian dan yang

ditaja oleh Kerajaan yang kini belajar di pelbagai universiti di Australia;

- (b) apakah sistem kuota baru dan yuran yang perlu yang dikenakan oleh pihak berkuasa Australia ke atas pelajar-pelajar Malaysia yang mengikuti pelajaran peringkat universiti di Australia;
- (c) mengapa Kerajaan Malaysia tidak membantah terhadap kenaikan drastik yuran yang dikenakan oleh pihak berkuasa Australia ke atas pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di universiti-universiti pada hal apabila kenaikan yuran universiti seumpama itu dikenakan di England ia telah dibantah keras oleh Kerajaan; dan
- (d) apakah Kerajaan Malaysia akan memulakan perbincangan dengan Kerajaan Australia dengan tujuan memujuk pihak berkuasa Australia mengkaji semula keputusan mereka mengenai kenaikan yuran bagi pelajar-pelajar Malaysia sebagai tanda bantahan Australia ke sebuah negara yang sedang maju iaitu Malaysia, dan juga sebagai satu cara untuk menguatkan persaudaraan Asia Pasifik di kalangan negara-negara di rantau ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis:

- (a) Jumlah pelajar Malaysia yang sedang belajar di pelbagai universiti di Australia ialah seramai 10,007 orang; 8,018 orang daripadanya adalah pelajar persendirian dan 1,898 pelajar tajaan Kerajaan.
- (b) Kuota kemasukan pelajar-pelajar Malaysia ke Australia pada tahun 1986 adalah seperti tahun 1985, iaitu 1,717 daripada 3,500 jumlah pelajar asing yang

dibenarkan masuk ke Australia. Kuota kemasukan pelajar-pelajar asing, termasuk pelajar-pelajar Malaysia, untuk melanjutkan pelajaran di peringkat universiti di Australia ialah 10% daripada jumlah penuntut keseluruhannya bagi setiap institusi. Sementara itu kuota sebanyak 20% ditetapkan untuk pelajar asing mengikuti sesuatu kursus.

Bagi yuran pengajian untuk pelajar-pelajar baru mulai tahun ini (1986), kenaikannya adalah ke 35% daripada purata jumlah kos pengajian secara keseluruhannya dan bagi tahun 1987 kenaikannya adalah ke paras 45%. Kadar yuran bagi tahun 1986 ialah A\$4,340 bagi kursus Perubatan, Sains Veterinar dan Pergigian dan A\$3,500 untuk kursus-kursus lain.

Kenaikan ini hanya melibatkan pelajar-pelajar baru sahaja. Sementara itu bagi pelajar-pelajar yang sedang meneruskan pengajian, mereka dikenakan kenaikan 15% daripada kos sekarang (tahun 1985). Yuran bagi pelajar-pelajar ini ialah seperti berikut:

A\$3,100 bagi kursus Perubatan, Sains Veterinar dan Pergigian dan A\$2,500 bagi kursus-kursus lain.

- (c) Adalah tidak benar dakwaan bahawa Kerajaan tidak mengambil apa-apa tindakan atas kenaikan yuran ini. Sebenarnya setelah kenaikan yuran ini diketahui, Kerajaan kita telah mengadakan perbincangan di peringkat Ketua Kerajaan dengan Kerajaan Australia dengan tujuan

meminta Kerajaan tersebut menimbangkan semula keputusan itu. Walau bagaimanapun keputusan menaikkan kadar yuran tersebut adalah keputusan Kerajaan Australia sendiri dan di luar daripada kuasa Kerajaan Malaysia untuk menahannya.

- (d) Kerajaan Malaysia sememangnya ada membuat rundingan dari semasa ke semasa dengan Kerajaan Australia berkaitan dengan perkara ini.

BUMIPUTERA MALAYSIA FINANCE—KERTAS PUTIH

13. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan membentangkan dalam kertas Putih mengenai skandal Bumiputra Malaysia Finance segala laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penyiasatan yang diketuai oleh Tan Sri Ahmad Nordin dan ini bermakna laporan terakhir, laporan sementara dan enam iktisar supaya Dewan dapat dimaklumkan dengan lebih mendalam supaya satu perbincangan yang bermakna boleh diadakan.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kertas Putih mengenai Laporan Akhir Jawatankuasa Penyiasat Bumiputra Malaysia Finance Ltd. (JKP—BMFL) akan dibentangkan dalam Dewan pada hari ini untuk dibahaskan. Serentak dengan itu Laporan Akhir JKP-BMFL berserta dengan tiga (3) jilid Laporan Khas serta "Exshibit" yang berkaitan dengannya diumumkan kepada orang ramai dan juga dalam Dewan ini oleh Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB).

PENEROKA FELDA/FELCRA YANG DISINGKIRKAN

14. **Tuan Baharom bin Haji Bakar** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) jumlah peneroka-peneroka FELDA dan FELCRA yang telah disingkirkan atau dibuang daripada menyertai rancangan tanah tersebut bersabit dengan kegiatan-kegiatan yang menyalahi peraturan FELDA dan FELCRA seperti jenayah, penyelewengan, menentang Kerajaan dan sebagainya bagi tahun-tahun 1984 dan 1985; dan
- (b) berapakah jumlah para peneroka-peneroka FELDA dan FELCRA yang terbabit dengan kes-kes seperti tersebut yang telah dikenalpasti sehingga kini dalam perhatian Kementerian dan belum diambil sebarang tindakan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):

- (a) Jumlah peneroka-peneroka FELDA dan FELCRA yang telah disingkirkan atau dibuang dari rancangan kerana berbagai kesalahan yang menyalahi peraturan-peraturan FELDA dan FELCRA seperti jenayah, penyelewengan dan sebagainya pada tahun 1984 dan 1985 adalah seperti berikut:

*Jumlah Peneroka-peneroka
Yang Telah Disingkir Dalam
Tahun 1984 dan 1985*

Agensi	1984	1985	Jumlah
FELDA	21	30	51
FELCRA	6	3	9
Jumlah	<u>27</u>	<u>33</u>	<u>60</u>

- (b) Pada ketika ini, terdapat 7 orang peneroka FELDA yang terlibat dengan kesalahan-kesalahan yang tersebut di atas yang masih

dalam tindakan dan belum disingkirkan dari rancangan, manakala belum lagi terdapat kes-kes lain yang telah dikenalpasti terlibat dengan kesalahan-kesalahan di atas di FELCRA.

PEMBUNUHAN USTAZ OTHMAN TALIB—PERISTIWA LUBUK MERBAU

15. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa kelambatan menyelesaikan masalah pembunuhan saudara ustaz Othman Talib semasa pilihanraya kecil Padang Terap (Lubok Merbau) tahun 1985 dan kecederaan yang menimpa saudara Pak Ayub dalam kejadian yang sama itu telah menimbulkan rasa tidak puashati di kalangan orang ramai terhadap kecekapan sistem keadilan di negara ini.

14-3-86

2. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan faktor-faktor sebenar yang menghalang kerja penyiasatan dan kehakiman mengenai kes Lubuk Merbau, Padang Terap, Kedah dalam tahun 1985 yang lalu.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Terlebih dahulu saya memohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat pada hari ini bersama-sama dengan soalan yang akan dikemukakan pada 14-3-1986 kerana perkara yang dibangkitkan adalah sama.

Sebenarnya tidak ada faktor-faktor yang menghalang dalam kerja-kerja penyiasatan berhubung dengan peristiwa Lubuk Merbau yang berlaku pada 18-1-1985 yang lalu. Penyiasatan

terus dijalankan dan perbicaraan "inquest" terhadap kes ini telah ditetapkan pada 30-3-1986.

LAPORAN SKANDAL BMF— TINDAKAN

16. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah selanjutnya yang akan diambil oleh pihak Kerajaan selepas pembentangan laporan akhir skandal BMF di Dewan Rakyat, terutama sekali tindakan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat. Memandangkan jawatankuasa penyiasatan yang diketuai oleh Tan Sri Ahmad Noordin telah dibubarkan, adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Di-Raja atau Jawatankuasa yang berkesan untuk meneruskan tindakan terhadap orang-orang terlibat.

Perdana Menteri (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Kerajaan akan mengambil apa-apa tindakan yang perlu untuk memastikan bahawa pihak pengurusan Bank Bumiputra Malaysia Bhd (BBMB) mengambil tindakan susulan yang positif dan wajar ke atas mereka yang terlibat termasuk tindakan mendapatkan kembali jumlah besar wang yang terlibat.

Setakat yang saya tahu tidak ada pegawai Kerajaan yang terlibat. Hanya pegawai Bank Bumiputra dan BMF. Tindakan akan diambil terhadap sesiapa juga yang terlibat.

Berdasarkan laporan-laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penyiasatan BMFL, adalah didapati skandal pinjaman BMFL ini merupakan suatu jenayah perniagaan (commercial crime) yang besar dan kusut (complicated). Umumnya jenayah ini berlaku di bawah kuasa undang-undang Hong Kong. Kajian teliti mestilah dibuat untuk menentukan bahagian mana dari laporan BMF ini yang boleh diguna untuk tindakan undang-undang di Malaysia.

Saya tidak faham cadangan mengadakan sebuah Suruhanjaya di-Raja untuk tindakan terhadap orang-orang yang terlibat. Suruhanjaya seperti itu biasanya diberi tugas menyasiat secara bebas berkenaan sesuatu perkara, dan bukan untuk mengambil tindakan. Jika ada tindakan yang perlu diambil selepas siasatan dibuat oleh sesiapa sahaja, agensi-agensi tertentu dalam Kerajaanlah yang akan melakukannya. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang menubuh apa-apa Suruhanjaya Di-Raja atau badan-badan lain.

AKTA SYARIKAT 1985— PERUNTUKAN

17. Tuan Peter Chin Gan On minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk memperkenalkan peraturan baru bagi saham perindustrian, supaya dapat memberikan kepada pihak Kerajaan satu cara untuk membuktikan dan bertindak terhadap kesalahan dalam perindustrian, dan jika ya, bilakah ianya akan dijalankan dan dalam bentuk apakah yang peraturan baru ini akan diambil, kerana Akta (Pindaan) Syarikat-syarikat 1985 (Company (Amendment) Act, 1985) yang meluluskan dalam Dewan ini pada bulan April yang lalu tidak dapat menampung lagi keruntuhan yang menarik perhatian yang dialami oleh setengah-setengah syarikat-syarikat di negara jiran yang juga telah menjejaskan Malaysia, bagi misalan Akta yang sedia ada tidak mengambil kira bagi kemudahan syarikat-syarikat mencebur dalam pemajuan kontrak-kontrak pembelian syer-syer syarikat-syarikat lain, yang boleh dihubungkan kepada syarikat-syarikat pembeli, dengan tidak payah memberitahu sebarang pihak berkuasa dan pemegang-pemegang syer syarikat itu sendiri.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Pada amnya Akta Syarikat (Pindaan) 1985 telah diperkenalkan bagi memperkukuhkan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 untuk menambahkan perlindungan kepada anggota-anggota syarikat dan pelabur-pelabur. Dengan penguatkuasaan Akta pindaan itu pada 1hb Februari, 1986, beberapa kehendak-kehendak baru mengenai pendedahan maklumat berkaitan dengan sebarang kepentingan yang diperolehi dalam sesebuah syarikat mesti dipatuhi oleh semua pihak-pihak yang terlibat. Seseorang yang mencebur dalam sesuatu pembelian saham-saham sesebuah syarikat melalui "forward contracts" seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, adalah dianggap sebagai mempunyai kepentingan dalam saham-saham yang diberi walaupun saham-saham itu masih belum diserahkan kepada beliau dan oleh yang demikian kepentingan itu perlu didedahkan kepada syarikat yang berkenaan dan juga kepada Bursa Saham di mana saham-saham syarikat berkenaan disenaraikan.

Dengan pematuhan kehendak-kehendak pendedahan maklumat oleh semua pihak yang terlibat dan juga dengan pengumuman maklumat itu dengan serta merta oleh Bursa Saham dalam akhbar maka pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur sekalian akan dimaklumkan tentang sebarang penukaran kedudukan pemegangan saham. Tambahan pula pihak Kementerian saya melalui Pejabat Pendaftar Syarikat akan memastikan semua kehendak-kehendak peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 dipatuhi dengan sepenuhnya.

Oleh kerana Akta Syarikat (Pindaan) 1985 baru sahaja dikuatkuasakan, saya berpendapat masih belum sesuai untuk menimbang sebarang pindaan kepada perundangan yang ada ataupun

mengenalkan sebarang perundangan-perundangan yang baru. Walau bagaimanapun, Pejabat Pendaftar Syarikat akan sentiasa mengawasi keadaan dan perkembangan dalam sektor korporat dan jika difikirkan perlu akan mengubahsuaikan perundangan yang berkaitan ataupun mengenalkan perundangan yang baru.

PELABURAN LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI

18. Tuan Haji Mohd. Zain Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah kegiatan-kegiatan pelaburan yang dijalankan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji, dengan nilai pelaburannya sehingga 31 Disember 1985. Nyatakan langkah-langkah Tabung Haji pada masa hadapan untuk memperkemaskan lagi perkhidmatan jemaah Haji pada masa hadapan untuk memperkemaskan lagi perkhidmatan jemaah haji terutamanya semasa mereka di Tanah Suci dan juga untuk meningkatkan pelaburan yang halal di sisi Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamad Khalil bin Yaakob): Kegiatan-kegiatan pelaburan yang diceburi oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) ialah dalam bidang-bidang pelaburan yang halal di sisi Islam seperti perusahaan, perdagangan, tanah dan binaan, perlombongan, perladangan dan pelaburan wang jangka pendek dalam Bank Islam.

Sehingga 31 Disember 1985, jumlah kos pelaburan Lembaga Urusan Tabung Haji ialah \$466.9 juta.

Mengenai Jemaah Haji pula, langkah-langkah tertentu akan terus diambil oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk memperkemaskan perkhidmatan. Antaranya ialah mempertingkatkan kerjasama dengan Muassasah Asia Tenggara di Makkah dan Muassasah Dalil di Madinah dalam usaha mendapatkan perkhidmatan yang lengkap dan selesa.

PROJEK SEKOLAH RENDAH YANG DITANGGUHKAN

19. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah bilangan dan anggaran jumlah perbelanjaannya projek-projek bangunan baru dan projek bangunan tambahan bagi semua jenis sekolah rendah di seluruh Malaysia yang telah diluluskan rancangannya di bawah RME akan tetapi sehingga kini masih belum dilaksanakan atau telah digantung, ditunda pelaksanaannya. Sila beritahu juga angka-angka itu bagi Negeri Perak dan daerah Kinta secara berasingan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Projek-projek Sekolah Rendah yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keempat tetapi terpaksa ditangguhkan adalah seperti berikut:

Jenis Projek	Projek Baru		Projek Tambahan		Jumlah	
	Bil.	Anggaran \$	Bil.	Anggaran \$	Bil.	Anggaran \$
Sekolah Keb.	62	73,769,000	118	62,352,000	180	136,121,000
SRJK (C)	4	3,227,000	28	8,457,000	32	11,684,000
SRJK (T)	1	700,000	5	1,455,000	6	2,155,000
Jumlah	67	77,696,000	151	72,264,000	218	149,960,000

Bagi Negeri Perak, projek baru dan tambahan yang ditangguhkan hanyalah melibatkan Sekolah Kebangsaan sahaja, iaitu tiga (3) baru projek baru dengan anggaran \$3,170,000 dan lima (5) projek tambahan dengan anggaran \$3,351,100. Projek-projek yang ditangguhkan bagi Daerah Kinta hanyalah terdiri daripada sembilan (9) projek bangunan gantian sahaja, iaitu empat (4) projek gantian bagi Sekolah Kebangsaan dan lima (5) projek gantian bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China).

FAMA—KERUGIAN PEMBELIAN KELAPA

20. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Pertanian menerangkan adakah benar FAMA mengalami kerugian berjuta-juta ringgit disebabkan operasi menyelamatkan buah kelapa. Jika benar adakah Yang Berhormat Menteri sedar kerugian yang besar adalah disebabkan pegawai dan kakitangan yang cuai dan kekurangan kakitangan yang pakar dalam bidang tersebut.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Untuk pengetahuan Yang Berhormat semenjak FAMA mula menjalankan Operasi Menyelamat Kelapa di kawasan Bagan Datoh dan Hutan Melintang pada 29-7-1985 dan seterusnya ke kawasan-kawasan pengeluaran yang lain di seluruh Semenanjung, FAMA telah mengalami kerugian sebanyak \$2,135,869.34 sehingga akhir bulan Januari 1986.

Sebahagian besar kerugian ini iaitu 80% adalah disebabkan oleh kos jualan yang tinggi yang diakibatkan oleh perbezaan di antara harga belian FAMA (harga jaminan) iaitu 11 sen sebiji dengan harga pasaran iaitu 6 sen sebiji dan dalam tempoh masa operasi ini FAMA telah membeli sebanyak 32,650,848 biji kelapa daripada petani-petani di kawasan Bagan Datoh dan

Hutan Melintang dan kawasan-kawasan lain. Jadinya kerugian langsung oleh kerana faktor ini adalah \$1,726,092.86.

Sementara baki kerugian ini pula adalah terdiri dari kos mengurus operasi seperti komisyen kepada PPK sebanyak \$175,739.78, gaji dan upah \$126,928.79, perbelanjaan menyelenggarakan kilang \$48,189.74, pengangkutan \$22,169.63, guni \$15,840.34 dan lain-lain \$20,908.20.

Jadi adalah benar bahawa kerugian yang besar ini disebabkan oleh kakitangan FAMA yang cuai. Walau bagaimanapun, pihak FAMA tidak menafikan beberapa masalah dalam operasi oleh kerana jumlah pengendalian yang terlalu besar dan mendadak yang memerlukan kakitangan tambahan sementara untuk membantu bekerja sehingga larut malam.

ANGKATAN TENTERA— KELENGKAPAN SENJATA MODEN

21. Dato' Haji Mohd. Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah dasar Kementerian untuk melengkapi angkatan bersenjata kita dengan alat-alat moden dalam (Rancangan Malaysia Yang Kelima) supaya angkatan bersenjata kita boleh dijadikan satu angkatan moden dan dapat bergerak pantas untuk menghadapi ancaman musuh sama ada dari dalam atau luar negeri; dan
- (b) memandangkan kemalangan di dalam Tentera Udara sering berlaku yang melibatkan pesawat-pesawat yang agak lama seperti yang berlaku di sempadan Sabah baru-baru ini yang meragut nyawa 8 orang pegawai-pegawai tinggi TUDM.

Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengelakkan kemalangan-kemalangan serupa itu berulang lagi di masa-masa akan datang.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):

(a) Kementerian Pertahanan mempunyai rancangan jangka panjang bagi melengkapkan Angkatan Tentera kita dengan segala peralatan yang moden. Tetapi disebabkan oleh keadaan ekonomi negara sekarang, rancangan ini terpaksa ditangguhkan terlebih dahulu. Sementara itu usaha-usaha sedang dilakukan untuk menggunakan apa sahaja alat kelengkapan yang sedia ada dengan sepenuh-penuhnya bagi meningkatkan keberkesannya. Tumpuan juga diberikan untuk meningkatkan mutu profesionalisma dan semangat ketenteraan dan disiplin yang tinggi di kalangan anggota tentera melalui latihan-latihan dalam dan luar neger. Ingin saya tegaskan di sini bahawa Angkatan Tentera kita mempunyai keupayaan yang cukup bagi menghadapi ancaman dari dalam negeri. Bagi menghadapi ancaman luar negeri ianya memerlukan tindakan menyeluruh negara, iaitu termasuklah ancaman-ancaman diplomatik juga.

(b) Kementerian saya sedar bahawa tiap-tiap satu kemalangan merupakan kerugian kepada TUDM dan kerajaan. Menyedari hakikat ini pihak TUDM kita telah menubuhkan satu organisasi yang tertentu untuk mengawal dan mencegah terjadinya kemalangan yang boleh dilaki. Kempen-kempen keselamatan

penerbangan serta langkah-langkah yang tertentu sentiasa diambil dengan segera yang aktif bagi tiap-tiap tahun setiap masa, sehingga kini lebih 120 orang Pegawai Tentera Udara dari berbilang Skuadron telah diberi latihan yang tertentu dalam aspek-aspek pencegahan dan penyelidikan kemalangan pesawat. Di samping itu kawalan dan Undang-undang yang berkaitan dengan cara guna pesawat-pesawat diterbangkan diperketatkan setiap masa.

(Soalan No. 22 Sila lihat Jawapan No. 2)

DEMONSTRASI AHLI MCA DI KUALA LUMPUR

23. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada demonstrasi oleh ahli-ahli MCA baru-baru ini di Jalan Tambak Johor/Singapura dan di hadapan Suruhanjaya Tinggi di Kuala Lumpur dan juga pejabat-pejabat SIA adalah haram dan bertentangan dengan undang-undang. Jika ya, sama ada pihak polis telah mengambil tindakan terhadap peserta-peserta demonstrasi tersebut.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Pihak polis sedang menjalankan siasatan berhubung dengan demonstrasi yang telah dilakukan oleh ahli-ahli MCA pada 22hb dan 23hb Januari 1986 di hadapan bangunan Suruhanjaya Tinggi Singapura di Kuala Lumpur dan kejadian demonstrasi pada 26hb Januari 1986 di Jalan Tambak Johor/Singapura.

Tindakan ke atas orang-orang yang terlibat akan ditentukan bergantung kepada hasil siasatan itu kelak.

Tidak ada demonstrasi berlaku di Pejabat SIA di Kuala Lumpur.

EKSPORT KE PASARAN BARU

24. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan kepada hakikat negara-negara maju masih merupakan pasaran utama eksport kita dan dasar perlindungan semakin ketara di kalangan negara-negara maju, Kerajaan telah sedang dan akan mengambil daya usaha untuk mempelbagaikan pasaran, sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai. Nyatakan nama negara-negara membangun yang menjadi pasaran keluaran eksport kita dan nyatakan juga apakah barang-barang yang dieksportkan.

Tengku Tan Sri Razaliegh Hamzah: Kementerian saya sentiasa mengambil langkah untuk mempelbagaikan eksport ke pasaran-pasaran baru di negara-negara membangun. Langkah-langkah yang diambil termasuklah penubuhan pejabat-pejabat Perdagangan di negara-negara seperti Brazil, Kenya, China, Arab Saudi, Kuwait dan Emiriah Arab Bersatu; menyertai pameran-pameran dan menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke negara-negara seperti China, Kuwait, Arab Saudi, Oman, Qatar, Fiji dan Solomon Islands. Kementerian saya juga sering menganjur seminar-seminar pasaran untuk memaklumkan para pengeksport Malaysia mengenai pasaran-pasaran eksport serta potensinya di negara-negara tersebut.

Langkah-langkah ini telah membantu Malaysia menembusi pasaran-pasaran eksport di negara-negara membangun. Umpamanya, rombongan perdagangan ke Asia Barat (Arab Saudi, Kuwait, Oman dan Republik Arab Bersatu) pada tahun 1985 telah menghasilkan jualan barangan bernilai \$10 juta. Penyertaan Malaysia dalam Pameran ASPAT '85

di China pula telah berjaya mendapat tempahan barang-barang bernilai lebih dari \$60 juta.

Negara-negara membangun yang menjadi pasaran eksport Malaysia termasuklah Pakistan, Bangladesh, India, Brazil, Timur Tengah, Fiji, Filipina, Solomon Island dan juga negara-negara ASEAN. Barangan keluaran Malaysia yang dieksportkan ke negara-negara ini adalah minyak kelapa sawit, getah, barangan keluaran getah, biji koko, keluaran kayu-kayan, barangan petroleum, minyak kelapa, kebel elektrik, "hot briquetted iron", kasut, bateri, barangan makanan dan pelbagai barang-barang perkilangan yang lain.

PERTANIAN BAGI PETANI/ NELAYAN

25. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tumpuan utama pihak Kementerian dalam usaha menyusun semula cara dan corak pertanian petani-petani di kampung-kampung. Apakah Kerajaan berhasrat mempelbagaikan lagi tanaman-tanaman selingan (intercrop).

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Kementerian Pertanian sedang menjalankan usaha-usaha untuk menyusun semula cara dan kaedah pertanian di kalangan petani-petani dan nelayan-nelayan.

Selaras dengan hasrat pertanian negara untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian, tumpuan pelaksanaan projek-projek adalah dijalankan mengikut kaedah pelaksanaan secara berkelompok. Kaedah ini memungkinkan aktiviti-aktiviti pertanian di kalangan petani dibuat secara komersial dan dengan itu akan memberi banyak manafaat dan faedah kepada mereka. Di samping itu, selain daripada meneruskan pendekatan pelaksanaan secara bersepadu, perhatian yang berat akan

juga ditumpukan kepada pembangunan kemanusiaan atau pembangunan petani-petani sendiri. Berbeza daripada pembangunan penyediaan infrastruktur asas pertanian, pembangunan kemanusiaan merupakan syarat perlu dan mencukupi untuk menentukan kejayaan projek dan aktiviti-aktiviti pertanian di kalangan petani-petani. Kementerian Pertanian juga, baru-baru ini mengambil langkah-langkah untuk mengenalpasti dan membantu keluarga-keluarga petani dan nelayan miskin secara langsung di kampung-kampung.

Mengenai corak pertanian, sejajar dengan keputusan yang dibuat oleh Kerajaan, pengeluaran padi akan ditumpukan di kawasan-kawasan jelapang padi di seluruh negara. Ini bererti kawasan-kawasan padi di luar jelapang padi, secara dasarnya, akan digalakkan untuk lain-lain tanaman seperti tanaman-tanaman jangka pendek yang bernilai tinggi dan tanaman jangka panjang yang sesuai. Namun demikian, perlu ditegaskan pertukaran tanaman ini, akan dijalankan mengikut keutamaan-keutamaan tertentu, dan di mana sesuai, dibuat secara beransur-beransur. Di kawasan-kawasan kelapa, usaha-usaha mempergiatkan tanaman koko akan terus diperhebatkan sebagai sumber pendapatan utama kepada pekebun-pekebun kecil kelapa dan tanaman kelapa akan berperanan sebagai tanaman pelindung sahaja. Pembangunan semula dusun buah-buahan akan dipergiatkan mengikut kaedah yang telah dinyatakan.

Di samping itu, Kementerian akan juga mempertingkatkan usaha-usaha pembangunan ternakan dan ternakair untuk kepentingan petani-petani, dan usaha-usaha ini seberapa dapat akan dijalankan secara bersepadu dengan pembangunan tanaman-tanaman. Melalui pertubuhan-pertubuhan peladang, petani-petani telah digalakkan dan diberi kesempatan untuk

melibatkan diri dalam melaksanakan kerja-kerja kecil pertanian di bawah berbagai program jabatan-jabatan dan ajensi-ajensi di bawah Kementerian Pertanian.

Saya yakin penyusunan semula cara dan corak pertanian seperti yang telah dihuraikan, bukan sahaja memberi kebaikan kepada negara tetapi yang lebih penting, akan membela nasib petani dan keluarga-keluarga petani supaya dalam analisa akhir kedudukan sosio-ekonomi mereka akan menjadi lebih baik. Malah dalam konteks keadaan ekonomi negara sekarang yang sedang mengharungi zaman kemelesetan, pelaksanaan cara dan corak pertanian itu, akan dapat mempertingkatkan hasil pengeluaran pertanian negara dan mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan kepada mereka-mereka yang kurang bernasib baik kerana dibuang kerja.

PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR

26. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa Pasaran Saham Kuala Lumpur makin merosot dan bagaimana ia menjejaskan ekonomi negara dan kepentingan para pelabur dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk melindungi kepentingan para pelabur dan ekonomi negara.

Tuan Daim Zainuddin: Antara faktor-faktor utama yang menyebabkan Pasaran Saham Kuala Lumpur (PSKL) makin merosot ialah:

- (i) Krisis Pan-EI (sebuah syarikat yang ditubuhkan di Singapura) yang mengakibatkan penggantungan PSKL untuk 3 hari berikutan dengan tindakan yang sama yang diambil oleh Pasaran Saham Singapura. Masalah-masalah berkaitan dengan kontrak hadapan yang

- menimbulkan kemusykilan dalam industri broker saham berikutan dengan masalah Pan-EI telah juga memberi kesan yang negatif kepada PSKL.
- (ii) Kelembapan permintaan bagi barang-barang keluaran Malaysia telah menjejaskan prestasi ekonomi Malaysia. Ekonomi negara ini telah berkembang dengan kadar yang agak pesat dan prestasi yang kurang menggalakkan pada masa sekarang telah memberi kesan terhadap pasaran saham.
 - (iii) Khabar-khabar angin dan suasana politik semasa di negara ini juga menimbulkan sentimen di kalangan pelabur-pelabur yang memberi kesan negatif kepada PSKL.
2. Memandangkan bahawa pasaran saham memainkan peranan yang penting, di mana badan-badan koporat berpeluang mendapatkan modal untuk memperluaskan perniagaan dan pelabur-pelabur berpeluang menceburkan diri dalam pelaburan ekuiti, maka keadaan pasaran yang erosit sudah tentu memberikan kesan kurang baik terhadap ekonomi negara.
 3. Antara langkah-langkah terpenting yang telah dia diambil untuk meningkatkan minat para pelabur terhadap pasaran saham ialah:
 - (i) Memperbadankan industri broker saham dalam usaha mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat broker saham, meningkatkan "integrity" dan profesionalisma di dalam pasaran saham.
 - (ii) Memperkenalkan peraturan-peraturan baru PSKL bagi menggantikan peraturan-peraturan lama yang ada

sekarang supaya memastikan para pemegang saham minoriti dilindungi dari sebarang penyelewengan, di samping menentukan supaya orang ramai, khususnya pelabur-pelabur, akan lebih maklum tentang prestasi sesebuah syarikat.

- (iii) Membenarkan perdagangan secara "ready" iaitu dijalankan dan tidak lagi menggunakan peraturan perdagangan secara "immediately delivery".
- (iv) mengwujudkan satu petunjuk pasaran saham yang baru yang lebih lengkap dan tepat bagi mengganti petunjuk-petunjuk yang sedia ada dengan harapan agar pelabur-pelabur di negara ini akan lebih arif mengenai arah aliran ekonomi negara dan seterusnya mereka akan dapat membuat keputusan pelaburan dengan lebih aktif dan tidak hanya bergantung kepada akhbar-akhbar angin.
- (v) Langkah-langkah bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara termasuk pembinaan rumah kos rendah, penubuhan Tabung Pelaburan Baru, dan pelaksanaan Lebuhraya Utara Selatan melalui pengswastaan.

KILANG PADI KEPUNYAAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN

27. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau sedar dan ingin membantu nasib kilang-kilang padi kepunyaan Pertubuhan Peladang Kawasan dan swasta yang tinggal nyawa-nyawa ikan untuk berkubur akibat daripada subsidi harga padi. Jika sedar dan ingin membantunya apakah langkah-langkah dan

perancangan yang dijalankan supaya tidak merugikan kilang-kilang padi yang terlibat.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Kebanyakan kilang-kilang padi yang dimiliki oleh Pertubuhan Peladang kawasan dan setengah-setengah pihak persendirian yang lain adalah kilang-kilang kecil yang menjalankan aktiviti mengambil upah kisar padi kepunyaan petani yang berhampiran bagi kegunaan petani itu sendiri. Kilang ini tidak beroperasi secara komersial, iaitu mereka tidak membeli padi dari petani-petani, mengisar padi dan seterusnya memasarkan beras yang dihasilkan. Dengan pelaksanaan Subsidi Harga Padi didapati kebanyakan daripada petani lebih suka menjual kesemua hasil padi mereka. Ini adalah tarikan bagi mendapatkan subsidi harga padi dari setiap jualan.

Kilang-kilang kecil milik swasta dan kilang-kilang milik Pertubuhan Peladang boleh kembali aktif dalam pasaran dengan meningkatkan tarafnya supaya dapat beroperasi secara komersial dan petani-petani akan kembali menjual kepada mereka tanpa kehilangan faedah subsidi. Berdasarkan kepada pengeluaran padi negara sekarang, masih ada ruang untuk lebih banyak kilang-kilang komersial baru menyertai industri padi dan beras.

Sebagai satu langkah membantu mengemukakan operasi kilang-kilang kecil, LPN telah melaksanakan skim upah kisar dengan memberikan kerja-kerja pengilangan padi kepada kilang-kilang kecil yang boleh menghasilkan beras yang dapat mencapai taraf gred-gred tertentu yang ditetapkan oleh LPN.

Setakat ini 73 buah kilang kecil telah dibawa masuk ke dalam skim upah kisar ini dan mereka telah mengisar sebanyak 309.048.78 tan metrik padi bernilai \$144.508,292.00.

KENYATAAN TIMBALAN PERDANA MENTERI SINGAPURA—BANTAHAN MALAYSIA

28. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hubungan dengan Singapura tetap seperti biasa, walaupun Timbalan Perdana Menteri telah membuat kenyataan mengenai MCA, dan seorang Pegawai bertaraf konsol sahaja yang menerima surat bantahan dari Timbalan Menteri Luar dan walaupun seorang Pegawai Tingginya tidak kenal Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura; jika tetap seperti biasa nyatakan mengapa.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Malaysia telah mengemukakan satu nota bantahan berikutan kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri Pertama Singapura. Pihak Singapura telah pun memberi penjelasan kepada bantahan kita. Kita berharap kejadian seperti ini tidak akan berulang lagi demi hubungan baik kedua buah negara kita.

PENANGKAPAN PRESIDEN MCA DI SINGAPURA

29. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau atau mana-mana Menteri Kabinet yang lain telah diberitahu terlebih dahulu oleh pihak berkuasa Singapura tentang penangkapan Presiden MCA, Tan Koon Swan, pada Januari 23 tuduhan pecah amanah, pemalsuan dan penipuan dan jika ya, beri butir-butir lanjut mengenai pemberitahuan terlebih dahulu itu.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Menteri-menteri Kabinet yang lain tidak pernah diberitahu terlebih dahulu oleh pihak berkuasa Singapura sebelum penangkapan itu dilakukan.

RANG UNDANG- UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG RAHSIA RASMI (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PILIHANRAYA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN PILIHANRAYA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Pilihanraya 1954; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1985)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1985 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Awam; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENGALAKAN PELABURAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi menggalakkan dengan jalan dilepaskan daripada cukai pendapatan, penubuhan dan pembangunan enterpraise industri, pertanian dan lain-lain enterpraise komersial di Malaysia, bagi memajukan eksport dan bagi maksud-maksud yang bersampingan dan berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

**Timbalan Menteri Dalam Negeri
(Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan**

Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah satu Usul dalam nama Menteri Dalam Negeri yang telah mencadangkan dan berbunyi:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

3.46 ptg.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya Ahli bagi Kawasan Tanjong Karang mohon mencadangkan Usul yang berbunyi:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berbunyi demikian:

Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah

Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam.

Tujuan utama Usul saya bawa ini ialah bagi menyembahkan ucapan menjunjung setinggi kasih Kebawah Duli kerana kesempurnaan hidup yang dinikmati rakyat hasil dari keadaan aman, tenteram negara Malaysia ini berkat kestabilan negara di bawah pemerintahan Kerajaan Kebawah Duli Tuanku yang diketuai pentadbirannya oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia walaupun terdapat berbagai cabaran dari keadaan semasa.

Saya juga menyatakan rasa penuh syukur ke hadrat Allah yang selama ini melindungi negara kita yang kita cintai ini dari bala bencana yang besar-besar. Dipohon jua ke hadrat Allah agar dilimpahi rahmat atas Kerajaan Kebawah Duli kekal aman makmur dan berjaya seterusnya dengan Kebawah Duli Tuanku sebagai Payung Negara melindungi rakyat jelata.

Selaku Ketua agam Islam Kebawah Duli telah dengan tepat menyatakan rasa sedih Baginda terhadap penyalahgunaan agama yang dianggap menjadi ancaman serius.

Seluruh umat Islam sepatutnya bersama dengan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini memberikan penghargaan setinggi-tingginya terhadap Titah Kebawah Duli dalam perihal agama Islam di Dewan ini.

Seluruh umat Islam tidak mengira keturunan dan fahaman politik sepatutnya bersyukur dan bersatu padu di negara ini dan seterusnya bekerjasama dengan kaum-kaum lain bagi mewujudkan kehidupan yang harmonis dalam satu masyarakat majmuk yang terdapat di negara kita. Janganlah hendaknya satu pihak cuba memperkuatkan aliran mengelompokkan masyarakat Islam dengan identiti kelompok-kelompok

itu sendiri misalnya dengan fanatisme agama, penonjolan simbol, pakaian dan cara hidup yang berlainan dari norma masyarakat.

Teguran Kebawah Duli mengenai pucuk pimpinan parti politik memeralatkan isu-isu perkauman dan agama semata-mata untuk tujuan mendapatkan sokongan adalah sangat tepat. Saya berpendapat Peristiwa Memali yang dahsyat dan ngeri itu adalah akibat perbuatan-perbuatan yang tidak bertanggungjawab pemimpin-pemimpin parti politik yang telah berjaya memeralatkan isu dan menyalahgunakan agama.

Dengan kenyataan-kenyataan yang dipaparkan dalam Kertas Putih telah membuktikan segala tindak-tanduk segolongan pemimpin-pemimpin parti Pembangkang yang bermula dengan pulau-memulau, memecahbelah masyarakat hinggalah mereka berjaya memberi dan menggalakkan hasutan menentang Kerajaan.

Peristiwa hitam ini saya harap menjadi cermin hidup kepada setiap rakyat Malaysia supaya mereka sentiasa sensitif terhadap unsur-unsur anti nasional ini dan mengelakkan diri, anak-isteri mereka masing-masing dari diperalatkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini.

Peristiwa Memali telah membuktikan kepada kita bahawa kaum wanita yang dianggap lemah itu boleh menjadi suatu force dengan izin, yang boleh digembeling dan diperalat oleh mana-mana pihak. Oleh itu, saya ingin mengingatkan wanita semua sama ada secara individu, berkumpul ataupun dalam pertubuhan pertubuhan supaya berwaspada sepanjang masa terhadap anasir-anasir jahat seperti Ibrahim Libya dan orang-orangnya.

Pemimpin-pemimpin wanita pula di semua peringkat dan semua kaum mestilah sentiasa peka (sensitive) terhadap apa jua pengaruh yang boleh

atau cuba merapati pertubuhan-pertubuhan dan memperlatkan pengikut-pengikut mereka demi mengelakkan dari dipengaruhi.

Supaya salah faham, fanatisme dan penyalahgunaan agama Islam ini tidak melarat umat Islam adalah diingatkan supaya belajar dari guru-guru yang bertauliah yang berkewibawaan, berpengalaman dan berkelayakan. Janganlah terpengaruh dengan syarahan-syarahan yang berapi-api dan kemudiannya menjadi mangsa "mob hypnotism", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Kebawah Duli ada menyebut ayat Al-Quran yang bermaksud rakyat mestilah taat kepada Allah, Rasul dan Pemerintah. Selaras dengan ayat berkenaan umat Islam patut menghormati para alim ulama yang tinggi dan diakui pengetahuannya, yang tegas pendiriannya, berpengalaman serta berkewibawaan. Justru itu Kebawah Duli telah memberi ingat semua umat Islam supaya mematuhi fatwa-fatwa dan arahan-arahan oleh pihak berkuasa seperti yang dituntut oleh Islam. Contohnya fatwa mengenai mati syahid dan kafir mengkafir.

Mematuhi fatwa-fatwa dan arahan-arahan oleh pihak berkuasa memang ada dalam peraturan yang terdapat dalam Sistem Pentadbiran Islam sejak dahulu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat salah satu faktor yang membiakkan ajaran songsang di kalangan umat Islam di negara ini ialah kemasukan pendakwah-pendakwah dari luar dengan mudah dan bebas. Jabatan-jabatan Agama Islam dan juga pihak Imigresen hendaklah meneliti dengan cermat dan disekat kemasukan mereka ini bagi menyelamatkan terutama golongan orang-orang kita yang mudah terpengaruh oleh mubaligh-mubaligh ini sehingga

mengenepikan cara hidup biasa dan meninggalkan tugas dan tanggungjawab mereka terhadap keluarga, masyarakat dan negara, sehingga makan minum mereka pun diserahkan kepada ihsan orang ramai dan tugas mereka hanyalah wirid dan berzikir ataupun berhijrah dengan kumpulannya dari masjid ke masjid.

Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan pula mestilah patuh kepada Etika Kerja Islam yang diatur oleh Kerajaan. Tetapi ini tidak bererti bahawa mereka harus berbuat melebihi dari yang patut dalam usaha penerapan nilai-nilai Islam dan amalan-amalan ibadah. Kalau beribadah mesti bersembahyang di masjid-masjid tertentu dan tidak menghiraukan masa kerja iaitu masa yang diamanahkan oleh Kerajaan dan rakyat kepada mereka.

Ulama-ulama sendiri mestilah tegas berpegang kuat kepada ajaran Islam tidak berdiri atas pagar dan hanya bersuara apabila kewibawaan mereka dicabar. Bila-bila masa dan di mana sahaja bercambahnya bibit-bibit perpecahan dalam masyarakat para ulama hendaklah bertindak. Sesuai dengan tema 'Ijtim'a' ulama anjuran Yayasan Dakwah Islamiah baru-baru ini iaitu "Ulama pendorong keamanan dan perpaduan".

Saya berpendapat suatu usaha menyemai benih perpaduan di kalangan ummah ialah dengan menjadikan masjid-masjid sebagai pusat tumpuan dan interaksi masyarakat setempat. "Tahmir Masjid" iaitu satu usaha menghidupkan masjid di malam hari patut diperluaskan dengan menganjurkan tadika-tadika, kelas-kelas agama dan Al-Quran bagi orang dewasa dan kanak-kanak dan juga menganjurkan kegiatan-kegiatan masyarakat yang sesuai di dalam atau di sekitar perkarangan masjid.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya rayuan Kebawah Duli bahawa kita hendaklah berjimat cermat sama ada dalam perbelanjaan individu, keluarga dan juga Kerajaan.

Dalam soal jimat cermat ini saya merasa perbelanjaan Kerajaan masih boleh dijimatkan dengan jabatan-jabatan meneliti semula dan mengecilkan belanja. Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan eloklah mengkaji semula projek-projek yang besar-besaran dan menentukan keutamaan dan menanggungkan projek-projek berkenaan sehingga ekonomi negara mengizinkan, kecuailah projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat seperti projek bekalan air misalnya.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana menanggungkan pengambilan Bukit Tinggi sebagai Kawasan Wilayah Persekutuan. Ini sudah tentu dapat merengangkan bebanan dalam belanjawan Kerajaan.

Selaras dengan usaha Kerajaan berjimat cermat sudah tentulah kita tidak harus mengharap bahawa Kerajaan dapat memenuhi semua tuntutan pekerja-pekerja awam dan kesatuan-kesatuan sekerja. Kerajaan memang bersimpati dengan rakyat dan untuk itu telah pun menaikkan gaji golongan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah.

Keadaan ekonomi negara hari ini memang tidak mengizinkan Kerajaan memberi kenaikan gaji kepada semua dan dengan bersabar rakyat adalah memberi pengorbanan demi kestabilan ekonomi negara. Saya yakin Kerajaan akan menimbang semula sekiranya keadaan mengizinkan. Namun begitu, dalam keadaan sekarang Kerajaan tidak harus berganjak dari pendiriannya. Saya berpendapat ada beberapa sebab rakyat harus memahami tindakan Kerajaan dalam

soal kenaikan gaji ini. Pertama jika semua orang dapat kenaikan gaji sudah tentulah ini merumitkan Kerajaan dan ekonomi akan menjadi kocar kacir dan Kerajaan harus mencari sumber-sumber kewangan untuk menampung perbelanjaan besar yang ditambah itu.

Kedua, dengan wang gaji tambahan yang banyak kuasa membeli akan bertambah dan harga barang-barang akan terus naik. Ini akan menghapuskan kesan penurunan harga barang-barang keperluan seperti petroleum, gula dan tepung yang telah dibuat oleh Kerajaan baru-baru ini dan kemungkinannya akan dibuat lagi oleh Kerajaan pada masa-masa akan datang. Ia juga akan mengurangkan pelaburan. Dengan naiknya gaji pekerja, kos pengeluaran akan bertambah dan negara kita kelak tidak akan dapat bertanding dengan negara-negara jiran, contohnya dalam pengeluaran minyak sawit. Kelebihan pengeluaran kita hanyalah kualitinya lebih tinggi. Faktor kualiti ini tidak selamanya boleh menentukan dan mengekalkan pasaran. Di sini saya merayu kepada rakyat supaya memberikan kerjasama dan memahami masalah yang dihadapi oleh Kerajaan.

Dalam konteks politiknya, ahli-ahli politik semua dapat memahami dan mengetahui semua keperluan rakyat tetapi dalam pelaksanaannya kita mestilah praktikal dan pragmatik.

Kesatuan-kesatuan sekerja haruslah meneliti dari semua sudut dan jangan melihat dari sudut kepentingan mereka sahaja dan janganlah mengeksploitasi isu hingga menimbulkan suasana keroh kerana kesan-kesannya tidak akan menguntungkan negara bahkan akan mengelirukan rakyat.

Sayugia diingat bahawa gaji pekerja-pekerja awam di negara ini dikatakan adalah salah satu yang tertinggi di dunia. Bagi mengesahkan perkara ini saya mencadangkan supaya satu Suruhanjaya ditubuhkan khusus

menyemak kadar gaji kakitangan awam ini bagi menentukan di mana patut diubahsuai sebagai langkah penjimatan dan penyelarasan bayaran gaji dengan hasil-hasil pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, apabila bercakap mengenai dasar memang diakui bahawa negara Malaysia mempunyai begitu banyak dasar, begitu banyak slogan atau cogan kata yang diantaranya ialah Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Pertanian, Dasar Kebudayaan Nasional, Dasar Sukan Negara, Dasar Komunikasi dan Dasar Perindustrian iaitu Pelan Induk Perindustrian. Saya pula berpendapat dengan adanya dasar bagi tiap-tiap satu bidang pengkhususan ianya bererti bahawa Kerajaan merancang kerja-kerja secara teratur mengikut strategi-strategi dan pelaksanaan programnya dengan lengkap, kemas dan licin.

Rakyat menyambut baik dasar-dasar Kerajaan dan berharap apa yang diterangkan di dalamnya akan terlaksana sepenuhnya. Janganlah segala strategi dan program pelaksanaan itu dibaca, molek di atas kertas sahaja dan pelaksanaannya di peringkat bawah atau "on the ground" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tidak jelas dan tiada dilihat daan tiada dinikmati oleh rakyat dengan nyata. Janganlah hendaknya ia hanya untuk dirumus oleh pegawai-pegawai Kerajaan untuk jawapan bila timbul pertanyaan-pertanyaan dalam Dewan yang mulia ini.

Bagi mencapai pelaksanaan yang berjaya mestilah ada koordinasi antara Jabatan dengan Jabatan, antara Kementerian dengan Kementerian, antara agensi dengan Jabatan dan antara Jabatan-jabatan di peringkat Negeri dan juga di peringkat Persekutuan. Jurang komunikasi di antara kedua-dua pihak ini haruslah dikurangkan ke tahap yang paling minima.

Di bawah Dasar Ekonomi Baru jaminan diberi bahawa Kerajaan tetap akan terus memberi keutamaan kepada projek-projek membasmi kemiskinan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Sehingga kini pembangunan telah dibawa ke seluruh ceruk rantau tanahair dan adalah tidak betul kalau dikatakan ada tempat yang langsung tidak mendapat pembangunan.

Sistem yang diamalkan oleh Kerajaan ialah perancangan dari bawah, rakyat sendiri melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung dan Tindakan-tindakan Daerah mencadang projek-projek pembangunan dengan dibantu dan disokong serta dilobikan oleh Wakil-wakil Rakyat dan projek-projek cadangan dilaksanakan dalam tiap-tiap Rancangan Lima Tahun Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut Dasar Sukan Negara dan pada ketika ini sukan negara ternyata telah bertukar dari cemerlang kepada merosot. Sungguhpun para ahli sukan ada yang muncul dan boleh meningkatkan prestasi sukan negara tetapi dukacitalah saya menyatakan bahawa penganjur-penganjurnya lebih berpolitik dari bersukan dan berebut rebut jawatan lebih hebat lagi daripada ahli-ahli politik dalam parti-parti politik dengan lobi dan cliquenya. Bilalah agaknya akan meningkat mutu sukan negara kita ini. Akhir-akhir ini timbul pula skandal anggota-anggota pasukan sukan Malaysia berkelahi semasa mengambil bahagian di luar negeri. Ini menunjukkan betapa merosotnya disiplin di kalangan ahli-ahli sukan, ada yang merajuk, ada yang berlatih sendiri. Semua tindak-tanduk ini memburukkan imej negara. Kesimpulannya pada saya, nampaknya cogan kata di kalangan ahli-ahli sukan hari ini ialah sukan untuk kepentingan diri, bukan sukan kerana negara.

Kebawah Duli telah memberi jaminan bahawa bagi meninggikan

taraf hidup rakyat bahawa perkhidmatan pelajaran dan lain-lain perkhidmatan akan diperluaskan. Kita memang bangga bahawa taraf pelajaran di negara kita diakui tinggi dan kemudahan pelajaran juga sempurna dan memuaskan. Namun begitu kita dapati masih ada perkara-perkara yang boleh kita lakukan bagi meningkatkan lagi mutu pelajaran dan penggunaan ilmu pengetahuan hasil dari pendidikan dan pelajaran yang ada.

Dalam keadaan hari ini kita dapati bahawa begitu ramai anak-anak kita sama ada yang berkelulusan tinggi atau sebaliknya yang masih menganggur. Ini bukan berpunca dari kesalahan Dasar Pelajaran ataupun sistem pembelajaran tetapi ini sebahagiannya adalah disebabkan oleh keadaan ekonomi yang meleset. Walaupun demikian, memang kita sedari bahawa sistem pelajaran kita masih belum cukup mengeluarkan mereka yang berkebolehan sebagai teknokrat dan profesional. Dari anjuran yang dibuat oleh MAMPU didapati bahawa menjelang tahun 1990, negara akan kelebihan sebanyak 25,000 orang yang berkelulusan sastera sementara kekurangan banyak dalam bidang profesional. Dalam pengurusan dan keusahawan sahaja negara akan memerlukan 16,000 orang lagi menjelang tahun 1990.

Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Pelajaran hendaklah mengadakan Rancangan Penyaluran Khusus pelajar-pelajar sejak daripada peringkat Menengah Rendah supaya awal-awal lagi dapat disalurkan mereka sebagai persediaan mengimbangkan penawaran dengan keperluan tenaga kerja dalam negara. Dalam rancangan ini peranan Bimbingan Kerjaya sangatlah penting bagi memberikan khidmat nasihat kepada pelajar-pelajar memilih bidang pengkhususannya. Dalam perancangan jangka panjang, Kementerian mungkin perlu

menambah bilangan sekolah-sekolah menengah di luar bandar bagi mengelakkan masalah pelajar-pelajar berpindah ke tempat lain untuk menyambung pelajaran mereka.

Di sini juga saya merayu kepada Kementerian supaya taraf dan mutu pelajaran serta kemudahan-kemudahan di tiap-tiap sekolah adalah sama, walaupun di bandar ataupun di luar bandar. Diminta juga "keistimewaan" atau "exclusiveness", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, setengah-setengah sekolah itu dikurangkan kerana terlalu ramai yang berebut-rebut untuk memasuki sekolah-sekolah tertentu, seolah-olah memasuki sekolah-sekolah tertentu itu adalah jaminan bahawa pelajar itu akan berjaya dengan cemerlang dan yang menjadi rumit ialah kepada Wakil-wakil Rakyat yang diminta supaya menentukan bahawa anak-anak pengundi-pengundi itu dapat masuk ke sekolah-sekolah tersebut.

Sebagai langkah meningkatkan mutu pelajaran dan teknologi baru di kalangan pelajar-pelajar, saya berpendapat mereka mestilah mengetahui banyak bahasa. Pertama sekali bahasa Inggeris, bahasa ini adalah bahasa antarabangsa yang digunakan di seluruh dunia dan ia juga adalah dijadikan alat komunikasi ilmu pengetahuan dan alat komunikasi yang popular. Oleh itu Kementerian Pelajaran mestilah mengadakan kemudahan yang secukupnya terutama di sekolah-sekolah di luar bandar dalam pengajaran bahasa Inggeris ini tetapi janganlah ada pula pihak yang berpendapat belajar bahasa Inggeris itu anti-nasional dan Kerajaan tidak harus tunduk kepada fahaman nasionalisma yang sempit.

Dalam situasi hari ini dan dengan tujuan meningkatkan mutu pelajaran dan penyampaian teknologi baru juga, saya suka mencadangkan Kementerian menggalak dan mengadakan kemudahan untuk pelajar-pelajar

menahan projek-projrk penting yang akan membawa pembangunan untuk rakyat. Saya rasa kesal adanya tindak tanduk mereka ini yang menunjukkan bahawa mereka itu mempunyai perspektif yang salah.

Bagi mengekalkan perpaduan di antara berbagai kaum dalam negara ini yang paling asas ialah kaum bukan Bumiputera hendaklah mengikuti dengan teliti angka-angka kemiskinan Bumiputera yang tertinggi terutama di luar bandar. Ini bererti perpaduan mestilah bermula dengan kefahaman mengenai keadaan sebenar yang ada sekarang ini.

Walau bagaimanapun apa yang berlaku janganlah kita melihat aspek-aspek negatif, lihatlah kepada aspek yang positif. Sebagai contoh, dengan usaha Bahasa Kebangsaan yang kita majukan di negara kita ini, kita lihat bahawa pelajar-pelajar bukan bumiputera adalah di peringkat paling tinggi dalam pelajaran dan mereka telah menunjukkan pencapaian yang begitu baik dan ternyata tiada rungutan atau sungutan dari mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai skandal BMF ini, saya cuma hendak menyatakan bahawa komitmen Kerajaan ialah memberi penerangan kepada rakyat dan Kerajaan telah mencetak dan mengeluarkan keseluruhan laporan Jawatankuasa Penyelidik yang telah dilantik. Sesiapa sahaja yang berhajat boleh membeli dan membacanya atau meminjamnya kalau tidak terlarat hendak membeli dengan harga \$250. Dalam sistem demokrasi semua mereka yang terlibat mesti diberi peluang membela diri, iaitu mereka mesti diberi perlindungan melalui proses undang-undang.

Dan kalau Kerajaan pula menggunakan, dengan izin, parliamentary privilege bagi melindungi dirinya maka Kerajaan sudah tentu akan dituduh tidak adil, tetapi yang kita sudah tentu pasti ialah

yang bersalah tetap salah dan yang bersalah akan dihukum dengan hukuman yang setimpal dengan jenayahnya.

Kerajaan telah menyatakan keazamannya membanteras penyalahgunaan dadah dan Kebawah Duli juga telah menegaskan undang-undang yang berkaitan dengan dadah akan terus dikuatkuasakan dengan adil dan saksama.

Sungguhpun dari angka-angka terbaru kita dapati bahawa penagih yang dikesan buat kali pertama telah berkurangan, iaitu kalau dibandingkan antara beberapa tahun kebelakangan, iaitu dalam tahun 1985 dari Januari hingga November, terdapat hanya sebanyak 5,671 orang penagih yang dikesan buat kali yang pertama, sementara 11,915 orang dalam tahun 1984 dan 14,624 orang dalam tahun 1983 dan ini membuktikan bahawa Kempen Anti Dadah Kebangsaan yang bermula dalam tahun 1983 telah menampakkan kesan. Namun begitu, semua peringkat masyarakat terutama ibu-bapa mestilah lebih serius lagi dalam perkara ini. Demikian juga Persatuan-persatuan Belia, Pertubuhan-pertubuhan Sukarela dan sekolah-sekolah hendaklah merancang program aktiviti yang boleh membentuk, membimbing serta mengisi masa lapang belia dan beliawanis kita sehingga tidak ada ruang dan kemungkinan mereka ini diresapi oleh apa jua pengaruh negatif seperti dadah.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memang indah dan memang diakui bahawa Malaysia mempunyai potensi yang boleh meningkat dalam industri pelancongan. Kita gembira bahawa Persidangan PATA akan diadakan di Kuala Lumpur. Berbagai persediaan kemudahan-kemudahan asas dan yang lain-lain sedang disediakan dan Kerajaan membelanjakan bukan sedikit wang dalam persediaan ini.

Saya berharap rakyat Malaysia bukan sahaja dapat menikmati kemudahan-kemudahan ini tetapi mengguna dan menjaganya dengan baik. Kita tidak mahu melihat semasa PATA sahaja Kuala Lumpur bersih dan indah, selepas itu balik seperti sedia kala dan semua kemudahan pecah, rosak dan tidak boleh digunakan lagi.

Usaha meningkatkan pelancongan ini bukanlah semata-mata untuk pelancong dari luar negeri, tetapi juga adalah untuk pelancong dalam negeri, ini mesti digalakkan besungguh-sungguh. Untuk ini, kemudahan-kemudahan mesti disediakan. Dalam perjalanan saya di seluruh negara, satu perkara yang sangat menonjol ialah keadaan Rumah-rumah Rehat atau Rumah-rumah Pesinggahan Kerajaan. Rumah-rumah Rihat ini hampir 80% daripadanya dalam keadaan terbiar, kerosakan tidak dibaiki dan pengurusannya mengecewakan. Sekiranya pentadbiran Kerajaan tidak dapat mengurus dengan baik, mungkin ada eloknya diswastakan.

Di samping itu, saya merasa bahawa peranan Kedutaan-kedutaan dan Suruhanjaya Perdagangan kita di luar negeri juga penting bagi memperkenalkan negara Malaysia kepada dunia sebagai satu usaha untuk menarik pelancong-pelancong dari luar negeri, tetapi dukacita saya menyatakan keadaan pejabat-pejabat Suruhanjaya Pedagangan kita di setengah-setengah tempat seolah-olah tidak bernyawa. Jadi, saya harap perkara ini dapat diambil perhatian oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab dan berkenaan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih Kebawah Duli yang bertitah bahawa dalam konteks ASEAN kerjasama ekonomi, sosial dan politik di kalangan anggota ASEAN akan terus dipertingkatkan.

Saya juga dalam konteks ASEAN ini mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Puan Corazon Aquino, Presiden Filipina yang telah berjaya mengambilalih kuasa dan mendapat sokongan rakyat Filipina bagi mengekalkan demokrasi di negara itu dan menyelesaikan masalah-masalah rakyat. Saya juga berharap Kerajaan Filipina yang baru ini dapat menyelesaikan masalah tuntutan ke atas Sabah. Pada pendapat saya tidak ada sebab lagi ianya menjadi isu dalam realiti keadaan hari ini.

Saya yakin seluruh rakyat bersetuju bahawa berkait dengan isu Kampuchea bahawa semua bangsa di rantau ini mesti dibenarkan hidup dengan aman tanpa apa-apa gangguan dan dengan itu ZOPFAN dapat diwujudkan.

Saya juga menyokong penuh ucapan Perdana Menteri diperasmian Nadwah Islam Antarabangsa baru-baru ini kerana kita dapati kurang eratnya kerjasama dan tiadanya tindakan bersama negara-negara Islam telah mengakibatkan negara-negara Islam ini memusnahkan sesama sendiri. Wang yang begitu banyak terdapat dalam negara-negara Islam sepatutnya diguna menolong negara-negara Islam yang lemah, yang miskin, bukan untuk membeli senjata. Sedihnya ialah negara yang untung ialah negara yang menjual senjata dan mereka dapat pula memajukan teknologi senjata mereka itu dengan membuat ujian (experiment) dalam peperangan negara-negara Islam itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan dan pendapat serta penghargaan dalam beberapa topik yang saya sebutkan tadi itu, saya dengan hormat dan takzim mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kinta.

4.25 ptg.

Tuan Lim Liang Seng (Kinta): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong usul yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang yang mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Dewan yang mulia ini semasa Pembukaan Penggal Keempat, Parlimen Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mulakan ucapan saya dengan menegaskan pandangan-pandangan MCA terhadap beberapa isu dan masalah negara kita yang banyak mempunyai kesan ke atas masyarakat Cina khasnya dan seluruh negara kita pada amnya. MCA adalah sebuah parti politik yang sehingga kini telah wujud selama 37 tahun. Selama tempoh 37 tahun ini MCA telah sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah dari kerana ianya berada di satu "coalition" bersama-sama dengan UMNO dan MIC di dalam Parti Perikatan selepas kemerdekaan dan bersama-sama dengan UMNO dan MIC dan lain-lain parti komponen di dalam Barisan Nasional pada tahun-tahun kemudiannya.

Tuan Yang di-Pertua, bertolak ansur dan perbincangan merupakan satu seni dan ianya telah terbukti sebagai satu perkara yang membawa cabaran yang amat besar kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan dari MCA. Ini adalah kerana di satu pihak MCA berada di dalam Kerajaan demi untuk memenuhi kehendak-kehendak dan aspirasi-aspirasi masyarakat Cina yang kita mewakili, dan di satu pihak yang lain pula MCA yang berada di dalam Kerajaan Barisan Nasional adalah sentiasa sedar akan kehendak-kehendak serta aspirasi masyarakat-masyarakat yang lain.

Kita merasa bertuah kerana sejak tercapainya kemerdekaan kita, kita telah mempunyai pemimpin-pemimpin

Kerajaan yang bersikap sederhana untuk memerintah negara ini dengan bijaksana dan teguh. Lantaran itu, nasib baik kita telah dapat menikmati keamanan, kemakmuran, muhibah, berbagai masalah dan isu yang perlu di negara kita. Adalah menjadi harapan negara ini semoga negara ini akan terus diperintah oleh sebuah Kerajaan yang bersikap sederhana kerana sesebuah Kerajaan yang berupa selain daripada sikap sederhana itu adalah amat merbahaya kepada masyarakat majmuk negara kita yang mempunyai berbilang kaum, bahasa, budaya dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana telah dinyatakan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di hari ini negara kita sedang menghadapi berbagai masalah dan isu yang memerlukan perhatian segera. MCA memandang berat terhadap perkara-perkara seperti ekonomi negara yang kian merosot, ditambah dengan keruntuhan harga barangan eksport utama, keyakinan perniagaan yang merosot, pengangguran, polarisasi kaum yang kian meningkat, keabaihan terhadap kampung-kampung baru, persekitaran yang terlalu terkawal oleh undang-undang dan peraturan dan sebagainya. Semua ini akan membawa kesan-kesan yang serius kepada keadaan politik di negara kita. Semua isu ini hendaklah dihadapi dan diatasi dengan sikap yang positif dari segi kepentingan keseluruhan negara dan bukan dari segi kepentingan sesuatu kaum yang sempit semata-mata.

Kerajaan kita hendaklah berterus terang, jujur berani dan berazam untuk mengatasi masalah-masalah tersebut dengan sikap yang positif serta keazaman yang dikehendaki bagi memperbaiki keadaan itu supaya keyakinan dan kebanggaan rakyat pada negara kita yang tercinta ini dapat dipulihkan.

Adalah menjadi pendapat dan pandangan saya bahawa semua dasar

Kerajaan pada masa-masa akan datang, khususnya selepas tahun 1990, hendaklah diberi penekanan kepada kehendak-kehendak dan aspirasi-aspirasi semua komuniti dan bukan semata-mata kepada sesuatu komuniti sahaja. Hendaklah kita berusaha untuk menyemaikan pada seluruh rakyat perasaan kekitaan dan keperibadian dalam konteks keseluruhan negara.

Dalam konteks inilah kita telah memandang dengan berat masalah polarisasi kaum yang kian meningkat dengan cepatnya. Adalah penting Kerajaan mengenali hakikat bahawa implementasi setengah-setengah dasar Kerajaan telah banyak membawa kesan-kesan yang buruk dan menyebabkan peningkatan polarisasi kaum dan hendaklah Kerajaan menghadapi dan mengatasi isu ini dengan segera.

Dalam pada Kerajaan berusaha mencapai perpaduan negara, hendaklah Kerajaan jangan mengabaikan atau bersikap tidak menghiraukan langsung kepada perkembangan dan kemajuan bahasa, budaya dan agama dari lain-lain komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah harus kita berasa hampa dalam pada menghadapi keadaan-keadaan ekonomi Malaysia yang tidak menyenangkan. Sebaliknya, Kerajaan harus berterus terang dan menunjukkan kegigihan untuk berhadapan dengan cabaran masa depan. Jika sekiranya dasar-dasar yang Kerajaan gubalkan itu adalah betul, baik dan akan memberi faedah kepada seluruh rakyat, saya berkeyakinan bahawa seluruh rakyat Malaysia akan memberi sokongan yang penuh kepada Kerajaan kita.

Walau bagaimanapun, adalah dirasakan bahawa perhatian yang lebih seharusnya diberi untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan struktur ekonomi yang telah timbul akibat dasar-dasar dan pelaksanaan dasar

yang terlalu menekankan penyusunan semula masyarakat sehinggakan semata-mata sesuatu komuniti sahaja yang menerima faedah. Kerajaan harus menyedari kenyataan ini dan menunjukkan keazaman untuk mengubahsuaikan beberapa ciri-ciri kepada sifat keperibadian kebangsaan kita supaya hasrat dan aspirasi semua komuniti dapat di cerminkan dengan wajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu kampung-kampung baru, suka saya menegaskan bahawa sayugia Kerajaan memberi perhatian yang lebih kepada pembangunan kampung-kampung baru itu. Pada masa-masa yang lampau, kampung-kampung baru itu sama ada dekat bandar atau pekan atau di luar bandar telah diabaikan dan tidak diberi perhatian yang wajar. Dari segi keutamaan dan peruntukan pembangunan kampung-kampung itu adalah sentiasa terletak di bawah sekali.

Saya bagi pihak MCA ingin merayu kepada Kerajaan supaya peruntukan pembangunan yang lebih besar diuntukkan demi pembangunan kampung-kampung itu. Saya difahamkan bahawa kemungkinan sejumlah \$6 juta akan diuntukkan tahun ini bagi sebanyak kira-kira 500 buah kampung baru di seluruh negara. Namun demikian, ini bermakna setiap kampung itu akan cuma mendapat sejumlah peruntukan yang amat kecil dan tidak mencukupi sahaja, bernilai lebih kurang \$10,000 setahun yang mana jelas sekali tidak dapat membawa apa-apa kebaikan dan untuk memperbaiki kebajikan rakyat berkenaan.

Berhubung dengan isu Akta Pelajaran 1961, khasnya, Perkara 21.2 yang bersifat mengancam kedudukan sekolah-sekolah rendah Cina, yang mana saya telah juga mengemukakan sebagai satu pertanyaan bagi jawab mulut pada 25-3-1986, ingin saya menyatakan di sini pendirian MCA, parti saya bahawa sebaik-baiknya

perkara tersebut dibatalkan. Jika ianya tidak akan dibatalkan adalah wajar dipinda dengan sebaik-baiknya bersesuaian dengan jaminan berulang kali oleh Kerajaan yang Menteri Pelajaran tidak akan menggunakan peruntukan kuasa perkara tersebut dengan sewenang-wenangnya untuk menukarkan sesebuah sekolah rendah Cina (SRJK (C)) kepada sekolah kebangsaan. Suatu pindaan tersebut itu oleh Kerajaan pasti akan disambut baik oleh semua masyarakat Cina dan dengan demikian Kerajaan akan diberi pujian kerana telah mengenali dan sedia memenuhi hasrat dan aspirasi rakyat.

Selama 25 tahun yang lalu, perkara 21.2 Akta Pelajaran 1961 itu dalam bentuknya sekarang ini, adalah berupa seolah-olah sebilah pedang tergantung di atas kepala masyarakat Cina dan telah dianggap oleh masyarakat Cina sebagai suatu ancaman yang menjadikannya gelisah serta serba salah.

Harus saya menegaskan bahawa dengan suatu pindaan tersebut itu juga, tidak akan komuniti lain yang akan mengalami sebarang kerugian di samping tidak mencabuli kepentingan dan hak sesiapa pun, akan tetapi ianya merupakan sesuatu yang positif kepada masyarakat Cina yang Kerajaan kita sanggup berbuat demikian untuk menghapuskan kegelisahan dan memulihkan keyakinan mereka pada Kerajaan.

Dengan demikian, ini juga akan memperlihatkan kepada rakyat bahawa Kerajaan kita adalah satu Kerajaan yang responsif yang menjiwai kehendak dan aspirasi semua rakyat di negara kita.

Bagi tahun-tahun selepas 1990, untuk mengandaikan pada asasnya ekonomi kita akan terus membangun dengan pesatnya sebagai satu syarat wajib Dasar Ekonomi Baru demi untuk mencapai matlamat-matlamat penyusunan semula dan pengagihan

mungkin tidak dapat berkekal lagi. Oleh yang demikian, Kerajaan kita seharusnya lebih mengutamakan pertumbuhan ekonomi daripada pengagihan dengan memberi penekanan yang lebih kepada menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Suka saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa MCA akan terus memberi sokongan kepada dasar-dasar Kerajaan selepas tahun 1990 yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Sebenarnya, kemiskinan tidak mengenali kaum. Kemiskinan wujud di semua komuniti. Oleh itu, layanan yang adil dan saksama haruslah diberi kepada semua yang berkenaan. MCA juga akan memberi sokongan kepada dasar-dasar Kerajaan selepas tahun 1990 yang memberi penekanan kepada penyusunan semula dan memperbaiki ketidak seimbangan yang ada.

Harus juga Kerajaan mengenali bahawa perasaan terpisah, frustrasi dan hampa harapan di kalangan masyarakat bukan Melayu adalah akibat setengah-setengah dasar Kerajaan dan pelaksanaan dasar yang menyeleweng oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang terlalu ghairah dan berminat.

Perasaan-perasaan ini seharusnya diterima sebagai benar dan tulin oleh Kerajaan dengan sikap realistik dan diadakan langkah-langkah untuk deregulate, dengan izin, serta menghapuskan faktor-faktor dan punca-punca yang menimbulkan perasaan-perasaan ini.

Pada masa-masa yang mencuba dan sesak ini, perasaan-perasaan tersebut adalah lebih mendesak lagi. Tidak dapat dielakkan juga beberapa masalah utama yang bersangkutan paut dengan pengagihan samarata dan adil akan timbul pula dalam persaingan

Perdana Menteri telah berkata ialah beliau akan menimbang cadangan cadangan terhadap Fasal 21 (2) itu.

Sekarang, siapakah yang telah patah balik? Pemimpin-pemimpin MCA atau Perdana Menteri? Helah pra-pilihanraya seumpama ini, dan saya boleh menyenaraikan helah-helah atau gimmicks seumpama itu yang diutarakan sejak beberapa bulan ini, sebenarnya under estimate sofistikasi para pengundi. Sudah pasti rakyat dapat menganggap helah seumpama ini dan menyedari bahawa tidak ada apa-apa perubahan dasar yang merupakan jaminan tunggal terhadap hakisan lebih hak-hak asasi mereka selepas pilihanraya umum.

Tipu helah pra-pilihanraya seumpama itu sebenarnya hanya akan melemahkan keyakinan rakyat dalam "authority, morality and credibility" Kerajaan.

Memang tidak ada satu peristiwa yang telah lebih menjejaskan "credibility" Kerajaan dalam empat tahun yang lalu daripada skandal BMF sehingga sekiranya ia tidak dicegah, krisis keyakinan yang timbul ekoran jurang credibility Kerajaan boleh menjadi krisis perihal kesahan dari segi undang-undang yakni crisis of legitimacy.

Tuan Yang di-Pertua, skandal BMF sebanyak \$2.5 billion adalah skandal bank dan kewangan yang terbesar sekali dalam Malaysia kalau bukan dalam Asia juga.

Selama dua tahun, Jawatankuasa Penyiasatan BMF yang diketuai oleh Tan Sri Ahmad Noordin yang mengandungi Chooi Mun Sou dan Ramli Ibrahim telah bertungkus lumus dan mengeluarkan gambaran yang paling lengkap sekali setakat ini mengenai skandal BMF bernilai \$2.5 billion itu, mengenai pencurian nipunan dan pecah amanah secara jenayah wang awam yang dilakukan

oleh satu komplot pegawai-pegawai awam dan penjahat-penjahat korporat.

Seperti dilaporkan oleh Jawatankuasa Penyiasatan BMF dalam Laporan Akhirnya (perenggan 74.2 (2)), selain daripada menerima kerjasama dan bantuan daripada beberapa kerat kakitangan Bank Bumiputra, Jawatankuasa tersebut tidak menerima kerjasama dan bantuan penuh daripada Lembaga dan Pengurusan Bank Bumiputra Malaysia Bhd. (BBMB) yang menjadi pihak berkuasa yang melantikkan mereka.

Maka saya berasa hairan atau amazed, dengan izin, bahawa walaupun menghadapi rintangan-rintangan dan sekatan-sekatan, Jawatankuasa Penyiasatan BMF telah dapat menyediakan satu laporan yang substantif mengenai skandal BMF, dan rakyat dan negara berhutang budi kepada Tan Sri Ahmad Noordin, Chooi Mun Sou dan Ramli Ibrahim. Ketiga-tiga ahli jawatankuasa tersebut telah berjasa kepada negara. Bukan sahaja mereka telah menghabiskan masa dua tahun daripada hidup mereka untuk menyiasat skandal BMF tetapi mereka juga telah memulakan langkah pertama yang penting untuk memulihkan kemurniaan dan kehormatan negara dengan memahami cerita sebenarnya di sebalik skandal BMF, bagaimana ia bermula dan berkembang, mengenalpasti orang-orang yang bertanggungjawab serta membersihkan jiwa negara daripada malu dan skandal tersebut dengan membawa ke muka pengadilan kesemua mereka yang bertanggungjawab ke atas pencurian raksaksa negara dengan berlakunya pencurian, pemalsuan, dan pecah amanah sebanyak \$2.5 billion wang awam.

Sebelum saya meneruskan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penghormatan (tribute) kepada Tan Sri Ahmad Noordin, Chooi Mun Sou

berminat membeli pada masa itu ialah Lap Heng Building dan bukan Gammon House.

Tuan Yang di-Pertua, saya harus menyatakan bahawa meskipun dibuat penjelasan-penjelasan ini, saya mendapati penafian sebulat-bulatnya Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian lemah dan tidak menyakinkan. Adakah Yang Berhormat Menteri mencadangkan bahawa Dr Nawawi bertanggungjawab atas apa yang disebut "fitnah besar" dan "bermaksud jahat" apabila beliau (Dr Nawawi) memberitahu Gabenor Bank Negara dalam bulan November 1982 bahawa Skandal pinjaman BMF bermula dengan cadangan Tengku Razaleigh untuk membeli Gammon House, dan yang BBMB meneruskan dengan pembiayaan pembelian Gammon House apabila Kerajaan Malaysia mengubah keputusannya?

Adakah Yang Berhormat Menteri mencadangkan bahawa terdapat satu komplot oleh Rais, Hashim, Ibrahim Jaafar dan George Tan dan mungkin Lorrain Osman menentang beliau? Ini adalah kerana pada 3-1-1980, George Tan menghantar telex kepada Hashim memberitahu beliau bahawa ia (George Tan) telah ditawarkan Gammon House dengan harga US\$250 juta, meminta dinasihati atas tindakan selanjutnya dan bahawa mesej itu dipanjangkan kepada Lorrain Osman, George Tan kemudian menyatakan bahawa sekiranya ia diberi "Lampu hijau", ia akan "... membeli dahulu dan membincang kemudian oleh kerana perkara adalah segera".

Dua laporan penilaian Gammon House yang dibuat atas arahan George Tan dalam bulan Disember 1979 adalah dilakukan berasas kepada penjualan semula Gammon House.

Dato Hashim telah mengakui kepada Jawatankuasa bahawa pinjaman US\$292 juta adalah "pinjaman terbesar yang pernah diberi

oleh BBMB". Sebenarnya, oleh kerana pembiayaan 100% Gammon House oleh BBMB sebagai sebahagian daripada pinjaman US\$292, jumlah pinjaman Kumpulan Carrian meningkat ke M\$459.4 juta pada akhir tahun 1980 yang merupakan 7,939 peratus dari simpanan dan modal saham BMF dan 129% dari simpanan dan modal saham BBMB.

Apakah asas dan justifikasi BBMB untuk membiayai 100% pembelian Gammon House dan untuk memberi pinjaman terbesar dalam sejarah bank kepada sebuah syarikat \$2, PIL, atau kepada George Tan, yang tidak mempunyai sebarang rekod atau cagaran, melainkan transaksi dilakukan bagi pihak Kerajaan Malaysia, atau untuk menjual semula kepada Kerajaan Malaysia dengan mendapat keuntungan sekelip mata sebanyak US\$50 juta.

Oleh kerana Yang Berhormat Menteri semata-mata meyangkal Dr Nawawi, mengapakah Dr Nawawi tidak diminta untuk memberi penjelasan dalam Kertas Putih Kerajaan atas kenyataan beliau kepada Gabenor Bank Negara dalam November 1982 tentang minat Tengku Razaleigh selaku Menteri Kewangan.

Menurut Ikhtisar Khas Pertama (Special Brief Part One) yang berurusan dengan Projek Gammon House dan pinjaman-pinjaman US\$292 juta, terdapat exhibit-exhibit dokumentari dikepilkan kepada laporan. Jika saya tak silap, terdapat dua jilid exhibit dikepilkan kepada Special Brief Part One. Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Parlimen tidak diberi dua jilid exhibits ini meskipun mereka diberi lima jilid exhibits Special Brief Part Two dan tiga jilid exhibits untuk Iktisar Khas ketiga tetapi sudah pergi ke mana two volumes exhibit kepada Special Brief Part One mengenai Gammon House. Adakah lagi satu cover-up? Selagi Kerajaan tidak memberi penjelasan

yang memuaskan kerana tidak disertakan dua jilid exhibits bagi Iktisar Khas Pertama, pandangan bahawa penafian sebulat-bulat oleh Tengku Razaleigh adalah lemah dan tidak meyakinkan akan dikuatkan.

Demi kepentingan awam dan negara, satu penyiasatan yang menyeluruh hendaklah diadakan ke dalam soal sama ada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian terbabit dengan apa cara pun dalam pembelian Gammon House dalam Pelan Induk Skandal BMF.

Walaupun tidak ada apa-apa pertikaian bahawa wang sejumlah US\$292 juta telah diberi oleh BMF kepada Syarikat Plessey Investment Limited (PIL) yang ditubuhkan dengan \$2 di bawah kawalan George Tan, akan tetapi masih wujud kekeliruan yang amat sangat tentang siapakah peminjam (borrower) itu, apakah tujuan pinjaman tersebut, apakah cagaran yang harus diberi, permohonan-permohonan pinjaman, kelulusan pinjaman-pinjaman, dokumentasi mengenai pinjaman-pinjaman pembayaran balik dan peranan BMF sebagai peminjam (lender) atau agen bagi "pelabur-pelabur" berkenaan.

Pada 3hb November 1982, George Tan telah menulis kepada Ibrahim Jaafar dengan menyatakan, dengan izin, "...your parent company, Bank Bumiputra as the major shareholder of PIL." Tuan Yang di-Pertua, George Tan juga telah menandatangani satu affidavit pada 4hb Mac 1985 di Hong Kong dalam kes penggugulan syarikat bernombor 298 dalam 1984 yang mendakwa, dengan izin, "... that 9 customers of the merchant banking arm of BBMB became and still remain beneficial owners of a 54% interest in PIL....".

Apakah dakwaan George Tan bahawa BBMB menguasai kepentingan majoriti dalam PIL

berasas? Tanpa menghiraukan siapakah pemegang saham utama dalam PIL, hakikatnya ialah wang sebanyak US\$292 juta telah diberi oleh BBMB kepada PIL bagi tujuan melaksanakan fasa pertama Pelan Induk Skandal BMF.

Dalam Special Brief Jawatankuasa Penyiasatan berpendapat bahawa pengeluaran dan penggunaan wang sebanyak US\$292 juta dan lain-lain pinjaman MM (Money market) yang menyebabkan kerugian besar kepada BBMB dan BMF merupakan satu pencurian (theft). Ia juga mendapati bahawa rekod-rekod perakaunan semua syarikat yang berkaitan seperti Carrian Holding Ltd, Carrian Investment Ltd, PIL, Extrawin, Max Entry termasuk BMF diatur untuk menyembunyi ciri-ciri benar transaksi-transaksi tersebut dan merupakan pengakaunan palsu (false accounting).

Maka dengan ini, kesalahan-kesalahan jenayah di bawah undang-undang Hong Kong dan mungkin Malaysia juga telah dilakukan.

Namun begitu sungguhpun Special Brief Part One telah dikemukakan kepada Pengerusi BBMB, Tan Sri Basri Ismail, pada 7hb Mei 1985, perakaunannya supaya BBMB membuat laporan dengan Polis Kuala Lumpur dengan menunjukkan mereka Special Brief Part One itu pihak BBMB belum lagi memberi Special Brief tersebut kepada polis kita. Apakah sebabnya pihak BBMB enggan mematuhi perakuan Jawatankuasa Penyiasatan?

Tuan Yang di-Pertua, Fasa 2: Persoalan dalam Fasa 2 Pelan Induk Skandal BMF ialah sama ada Datuk Musa Hitam terbabit dalam fasa kedua Pelan Induk Skandal BMF berhubung dengan pembelian Grand Marine Holding, untuk dijual kepada Kerajaan Malaysia dengan keuntungan sebanyak HK\$200 juta.

Sungguhpun BMF telah kuarir dengan penumpuan portfolio pinjamannya terhadap satu kumpulan pelanggannya dengan cagaran-cagaran yang kurang mencukupi yang diberi oleh Kumpulan Carrian untuk pinjaman-pinjaman yang diperolehinya terlebih dahulu yang masih belum lagi dijelaskan, BMF terus memberi pinjaman-pinjaman berjumlah US\$580 juta kepada Kumpulan Carrian. Siri pinjaman-pinjaman ini adalah besar: US\$138 juta, US\$100 juta dan US\$97 juta serta pinjaman-pinjaman tambahan berjumlah US\$143.5 juta, HK\$643.7 juta dan US\$20 juta. Amaun-amaun besar ini yang kesemuanya berjumlah US\$580 juta telah digunakan untuk membeli Grand Marine serta memberi aliran wang (cash flow) yang perlu kepada Kumpulan Carrian.

Pada atau kira-kira 15hb April, 1983, George Tan memberitahu Jalil Ibrahim bahawa beliau bertindak bagi pihak sesuatu pihak di Malaysia untuk menguasai Grand Marine dengan harga HK\$800 juta, dan selepas itu dia pula diseru menjual Grand Marine kepada Kerajaan Malaysia dengan keuntungan sebanyak HK\$200 juta. Akhirnya, Kerajaan Malaysia tidak jadi membeli Grand Marine dan beliau (George Tan) menghadapi kesulitan. Dr Rais mengarahkannya menguruskan transaksi tersebut dan wang baginya datang dari BMF.

Nama Dato Musa telah disebut oleh Ibrahim Jaafar apabila disoal oleh Jawatankuasa Penyiasatan BMF sebagai pihak dalam Kerajaan Malaysia yang berminat dalam hal urusan dengan Grand Marine disebabkan "perhubungan yang rapat antara Dr Rais dan Menteri berkenaan". Namun begitu, Dr Rais dalam temuduganya dengan Jawatankuasa tersebut berkali-kali menafikan bahawa beliau tahu mengenai pembelian Grand Marine. Beliau kemudian mengakui bahawa dalam bulan Mac 1982, George Tan

telah menawarkan untuk menjual "controlling interest" dalam Grand Marine kepada Kerajaan Malaysia. Kemudian, Dr Rais telah bercakap dengan Timbalan Perdana Menteri mengenai tawaran tersebut dan beliau diberitahu bahawa terpulanglah kepada Dr Rais dan orang-orangnya untuk memutuskan sama ada mereka ingin menerima tawaran tersebut. Dr Rais berkata beliau tidak menyusuli perkara tersebut.

Dalam penjelasannya dalam Kertas Putih Kerajaan, Dato Musa berkata: "Ada satu kali di mana Dr Rais menyebut serta cuba menghuraikan hal-hal perusahaan/perniagaan personalnya di Hong Kong. Tetapi saya telah menahannya oleh sebab ini tidak ada kaitan langsung dengan tugas-tugas rasmi kita. Saya tidak tau-menahu atas apa-apa yang lebih daripada itu."

Semasa temuduganya dengan Jawatankuasa Penyiasatan di London pada 9hb Julai, 1985, Rais telah menerangkan bahawa dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1984 terdapat khabar angin yang disebarkan oleh penyokong-penyokong Tengku Razaleigh bahawa Timbalan Perdana Menteri terbabit dalam Grand Marine. Beliau berkata ini adalah khabar angin yang jahat. Rais diberitahu bahawa khabar angin tersebut bermula dengan Ibrahim Jaffar yang terbang dari Hong Kong dengan nota bertarikh 8hb Mei, 1983 yang dikata disediakan oleh atau atas arahan George Tan. Nota tersebut menyentuh cadangan penjualan aset-aset di Amerika Syarikat serta rujukan kepada hutang sebanyak US\$500 juta kepada BMF yang belum dijelaskan dengan butir-butir lanjut yang menyebutkan tentang jumlah wang yang digunakan untuk membeli Grand Marine yang didakwa dijalankan atas arahan Dr Rais Saniman yang bertindak bagi pihak Timbalan Perdana Menteri. Dr Rais berkata

beliau telah diminta oleh Timbalan Perdana Menteri supaya pulang ke Kuala Lumpur supaya beliau dapat menerangkan kepada Perhimpunan Agung UMNO jika perlu. Beliau pulang ke Kuala Lumpur tetapi tidak dikehendaki membuat apa-apa penjelasan. Itulah sebabnya beliau menemui Jawatankuasa Penyiasatan pada 4hb Jun, 1984 untuk menerangkan khabar angin tersebut mengenai pembabitan Timbalan Perdana Menteri dalam Grand Marine.

Tuan Yang Di-pertua,
Jawatankuasa Penyiasatan
berpendapat bahawa dalam kes Grand Marine, bukti yang sedia ada adalah tidak mencukupi untuk membolehkannya membuat apa-apa kesimpulan yang tertentu mengenai pembabitan Kerajaan Malaysia atau mana-mana orang lain yang bertindak bagi pihaknya.

Di sini saya menyokong perakuan Jawatankuasa Penyiasatan bahawa terdapat alasan-alasan yang cukup untuk menjalankan siasatan-siasatan yang lanjut ke dalam tuduhan yang dibuat oleh George Tan bahawa beliau telah membeli Grand Marine bagi tujuan menjualkannya kepada Kerajaan Malaysia dengan keuntungan sebanyak HK\$200 juta dan tuduhan yang dibuatkannya kemudian bahawa beliau telah membeli Grand Marine atas arahan Dr Rais yang bertindak bagi pihak Kerajaan Malaysia. Tidak ada sebarang pertikaian bahawa BMF yang membiayai pembelian Grand Marine dan ini memerlukan satu penyiasatan.

Satu pinjaman besar yang berjumlah US\$138 juta telah diberi oleh BMF kepada 7 buah syarikat George Tan yang telah membolehkan George Tan dan seperti didakwa olehnya, "9 orang pelabur seberang laut" untuk membeli Grand Merine. Rekod-rekod BMF cuma

menunjukkan bahawa pinjaman ini hanya diberi kepada 7 syarikat peminjam bagi "pelaburan" sahaja. Tidak ada sebarang penilaian dibuat terhadap 7 buah syarikat peminjam itu. Kesemua syarikat-syarikat tersebut adalah syarikat-syarikat yang ditubuhkan dengan HK\$2 setiap syarikat, 4 daripadanya diperbadankan selepas "peminjam-peminjam" tersebut dilulus dan diberikan atau phantom syarikat. Peminjam-peminjam tersebut semuanya diberi dengan cara berbelit-belit kepada Carrian Holdings Ltd.

George Tan telah menegaskan bahawa jumlah US\$138 juta ini bersama dengan sebahagian pinjaman lain sebanyak US\$100 juta yang diberi kepada 5 buah syarikat lain adalah advance yang diberi oleh BMF kepada syarikat-syarikat tersebut untuk membolehkannya melabur dengan George Tan di Hong Kong Pelaburan ini adalah dalam bentuk penguasaan Grand Marine menerusi CIL.

Jawatankuasa Penyiasatan
berpendapat bahawa, dengan izin:

"The manner in which these sums were released (4 of these sums were released to companies not yet incorporated) and the use to which they were put to, established the fact that the sums of US\$138 million and US\$100 million were not loans granted in the normal course of banking business."

Terdapat juga tindakan-tindakan yang dijalankan oleh BMF yang tidak boleh diterangkan serta kurang waras dalam percubaannya untuk mendapat balik wang US\$138 juta, bukan dengan menyaman tujuh buah syarikat yang meminjam itu yang merupakan sipiutang utama. Tujuh writ telah difailkan terhadap George Tan sebagai penjamin kepada 7 pinjaman-pinjaman tersebut. Tetapi tidak ada

terhadap jasanya kepada negaranya dan beliau telah melawat Amerika Syarikat untuk melihat aset-aset ini.

Pada 13hb November, 1985 beliau memberitahu Jawatankuasa ini, dengan izin, "I consider my duty to protect the assets. It became very clear to me—none of these assets were good assets. We had overpaid". Berhubung dengan salah satu harta di Oakland, Amerika Syarikat, beliau menyatakan bahawa ia adalah, dengan izin, "similar to buying a piece of land at a slump area in Seremban". Di bahagian yang lain pula beliau berkata: "If BMF people thought that George Tan could be believed, they must be naive! The greatest mistake was to allow disaster to manage disaster."

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa pula berpendapat bahawa pembelian aset-aset di Amerika Syarikat mengikut syarat-syarat yang bersifat terlalu murah hati seperti pembelian saham-saham China Underwriters dan Union Bank, sebenarnya merupakan sekim-sekim untuk membiayai Kumpulan Carrian supaya ianya tidak tenggelam. BBMB telah mendesak supaya kedua-dua urusan ini dirahsiakan, dan telah menggunakan syarikat-syarikat boneka untuk menyembunyikan identiti sebenar pembeli.

Begitu juga dengan penjualan saham-saham China Underwriters dan Union Bank. Kali ini pembeli-pembeli nominee adalah Dato Dr Mohd. Hussain Yusuf dan Mohd. Ariffin bin Mohd. Yusof, akan tetapi urusan ini digugurkan oleh kerana kejadian berikutan pembunuhan Encik Jalil Ibrahim, yang seterusnya membawa kepada tumbangannya Empayar Carrian dan penangkapan George Tan.

Dalam Special Brief III, Jawatankuasa telah menyimpulkan bahawa pemberian pertama dalam satu siri pinjaman oleh BMF selepas pengumuman masalah-masalah

liquidity Carrian Investment dan pinjaman US\$30.2 juta kepada Paris Ride atas perintah Holding tidaklah merupakan pinjaman-pinjaman yang tulin, tetapi pencurian (theft) yang disalurkan melalui BMF.

Pemberian kedua yang melibarkan US\$40 juta kepada Bank of Communications bagi tujuan pinjaman terusan (on-lending) kepada Carrian Nominees Limited dan jumlah US\$7.5 juta adalah "theft" dan "criminal breach of trust".

Berhubung dengan pembelian aset-aset U.S. pula, Jawatankuasa berpendapat bahawa, dengan izin:

"The Board of BBMB including Wong Aun Phui as adviser to the Board and George Tan with Bently Ho Conspired to defraud the shareholders of BBMB to part with the sum of US\$85 million for the purchase of the US assets. The Board of BBMB acted in breach of their fiduciary duties in utilising the sum of US\$85 million for a purpose which was ultra vires BBMB and which was disguised in the books and records of BBMB as merely a loan to Marmel for the purpose of investment in the Transpacific Trust. In our opinion the conspirators or some of them have, prima facie, committed offences of criminal breach of trust, breaches of the Banking Act and Companies Act and false accounting under the laws of Malaysia."

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pengarah-pengarah BBMB yang terlibat dalam keputusan memperolehi aset-aset Carrian di Amerika Syarikat yang dibuat dalam mesyuarat penuh Lembaga pada 20-5-1983, terdiri daripada:

Pengerusi: Dr Nawawi Mat Awin

Anggota: Dato Mohd. Hashim Shamsuddin

Lorrain Osman

Haji K. Mushir Ariff
 Tan Sri S.O.L.
 Ubaidulla
 John K.D. Eu

Di sini, saya memberikan BBMB kata dua 24 jam untuk bertindak ke atas perakuan Jawatankuasa Penyiasatan dalam Special Brief Part III, iaitu membuat laporan polis di Kuala Lumpur terhadap Dr Nawawi dan Lembaga Ahli-ahli dan Penasihat kerana "conspiring to defraud the shareholders of BBMB" dan "breach of their fiduciary duties", seperti dinyatakan dalam Perenggan 28.8, Special Brief III. Special Brief ini, bersama-sama dengan Laporan Terakhir BMF telah dikemukakan kepada BBMB 3 bulan yang lepas, dan jika Lembaga Pengarah BBMB yang baru itu tidak bertindak atas perakuan Jawatankuasa Penyiasatan, ia adalah paling cuai.

Jika BBMB tidak bertindak dalam masa 24 jam ke atas perakuan-perakuan yang terkandung dalam Special Brief Part III, maka saya sebagai Ketua Pembangkang Parlimen selepas mengkaji Special Brief Part III yang diberikan saya oleh Kerajaan dengan tujuan-tujuan urusan Parlimen, akan demi kepentingan awam dan negara bertindak atas Perakuan No. 29.1 (2) Iktisar Khas Bahagian III, iaitu dengan izin:

"In the light of the above we recommend to BBMB that BBMB and/or BMFL take immediate step:

- (1) ×××××××
- (2) to lodge a report with the police at the appropriate police station in Kuala Lumpur placing before the police this Special Brief together with the Exhibits to enable the police to commence investigations into the several matters reported in this Special Brief and to take the necessary action to charge in a Court of

Law the person or persons responsible for such offences as are evident".

Tuan Yang di-Pertua, aset-aset Carrian di Amerika Syarikat telah terlebih dahulu timbul dalam skandal BMF sejak mula-mula lagi dalam pinjaman-pinjaman besar BMF kepada kumpulan Carrian dari tahun 1979 hingga 1981, iaitu—US\$292 juta, US\$138 juta, US\$100 juta dan sebagainya kepada syarikat-syarikat HK\$2 yang dinamakan oleh George Tan, pinjaman-pinjaman ini telah dibuat sebelum dokumentasi yang sewajarnya diuruskan atau diberi tanpa sebarang cagaran atau cagaran yang mencukupi. Setengah-setengah syarikat-syarikat ini masih belum diperbadankan. Pinjaman secara besar-besaran telah dibuat tanpa permohonan atau tidak wujud sebarang syarikat-syarikat yang meminjam. Perhubungan antara BMF dan George Tan dan Kumpulan Carrian adalah "begitu istimewa" bukan yang sepatutnya wujud antara sesuatu bank dan pelanggan.

Walaupun BMF telah berkali-kali cuba memperbaiki kedudukan cagarannya yang kurang memuaskan itu, dan nasihat berterusan peguam-peguam BMF bahawa, dengan izin, "the outstanding loans were under-secured and the securities were of doubtful value", dan bahawa BMF patut terus menegaskan "more enforceable security" Carrian Holding tidak bekerjasama dengan BMF dalam menyempurnakan cagaran-cagaran tersebut.

Hakikat yang memeranjatkan ialah walaupun Carrian menunjukkan sikap tidak bekerjasama untuk memperbaiki cagaran-cagarannya yang dipegang oleh BMF, BMF masih terus memberi pinjaman-pinjaman yang besar kepada George Tan dan kumpulan Carrian, tanpa sebarang cagarannya, atau cagarannya yang amat tidak mencukupi. Tujuan pinjaman-pinjaman ini tidak pernah

dinyata dengan jelas, tetapi bagi tujuan-tujuan rekod, untuk "General Investment". Akan tetapi, BMF berjaya memaksa George Tan memberi jaminan peribadi bagi jumlah US\$500 juta, tetapi aset-aset George Tan tidak dinilai. BMF nampaknya begitu puas dengan cagaran-cagaran yang sedia ada setelah George Tan menandatangani jaminan tersebut.

Berikutan dengan ini, BMF telah diminta menggantikan saham-saham Hong Kong yang sedia ada yang dipegangnya dengan cagaran-cagaran ke atas aset-aset di Amerika Syarikat kepunyaan kumpulan Carrian, yang menurut George Tan, telah dinilai sebanyak US\$560 juta (Harta yang sama ini telah kemudiannya dibeli oleh BBMB dengan harga US\$76 juta, satu harga yang terlalu tinggi). Dengan pengetahuan penuh serta persetujuan BBMB, BMF telah menerima permintaan itu. Dokumentasi telah disempurnakan pada 4hb Oktober, perjanjian-perjanjian telah ditandatangani, dan BMF atas arahan Dato Hashim, telah melepaskan beberapa daripada cagaran ini untuk digantikan dengan aset di Amerika Syarikat pada 28-8-1982. Pinjaman-pinjaman ini telah berterusan walaupun Carrian tidak menggantikan aset-aset Amerika Syarikat sebagai cagaran selepas menandatangani, peguam-peguam BMF telah memutuskan bahawa perjanjian-perjanjian 4hb Oktober mungkin, dengan izin, "fraudulent preference" untuk mencagarkan aset-aset CIL, suatu syarikat yang disenaraikan di pasaran saham tetapi berhutang US\$35 juta, untuk menjamin hutang-hutang Carrian Holding Limited yang belum dijelaskan, sehingga jumlah US\$500 juta.

Akibat skim menggantikan cagaran-cagaran yang sedia ada merupakan suatu kerugian bagi BMF, yang telah menyerahkan cagaran-cagaran yang dipegangnya itu, tanpa mengambil sebarang cagaran ke atas aset-aset di

Amerika Syarikat. Hanya 6 bulan selepas itu pada bulan April 1983, BBMB nampaknya "pandang berat" terhadap keupayaan menguatkuasaan perjanjian-perjanjian Oktober 4 tersebut. Pada 19hb April, 1983, George Tan telah mencadangkan bahawa BMF membeli aset-aset Carrian di Amerika Syarikat pada harga US\$76 juta. Pada masa yang sama, Bandaraya Oakland telah menuntut jumlah US\$6.7 juta yang dihutang oleh CIL kepada harta Oakland, iaitu sebahagian daripada aset-aset Carrian di Amerika Syarikat. Bandaraya Oakland memberi amaran bahawa ia akan merampas harta tersebut jika bayaran tidak dibuat menjelang 16-5-1983.

Seperti dinyatakan dalam Special Brief Part III, dengan izin:

"Carrian was therefore in a very vulnerable position at this stage of time. BMF could have taken advantage of the situation and could have made George Tan accede to the demands of BMF. We have not seen any demands being made. Instead, BMF proceeded to prepare and submit a Board Paper to BBMB for a loan of US\$6.7 million to be given to Carrian for settlement of the amount owing to the City of Oakland".

Sebelum laporan Lembaga bagi pinjaman US\$6.7 juta dibentangkan kepada Lembaga BBMB pihak pengurus BMF telah menyediakan lagi satu laporan Lembaga yang mencadangkan bahawa BBMB membiayai pihak ketiga untuk membeli aset-aset di Amerika Syarikat dengan harga US\$76 juta.

Selepas keputusan Lembaga BBMB pada 20hb Mei, 1983 untuk menerima cadangan-cadangan membeli aset-aset Carrian di Amerika Syarikat melalui pihak ketiga, suatu Perjanjian Jualbeli bagi aset-aset ini antara CIL dan CHL sebagai penjual dan kedua-dua syarikat nominee, Dragon Base serta Darton sebagai pembeli, telah

ditandatangani pada 31hb Mei, 1983. Perjanjian ini telah memperuntukkan suatu jangka tarik balik selama empat minggu sehingga 28hb Jun, 1983, sekiranya timbul sebarang pendedahan buruk mengenai harta tersebut.

Pada 7hb Januari, 1983, Jalil Ibrahim telah berbincang dengan A. Neoh, Peguam BMF, yang telah menelefonnya dari San Francisco dan memberitahu beliau bahawa penilai-penilai, Levanthol telah menasihatkan supaya aset-aset ini dinilai pada tahap kurang daripada US\$76 juta. Kemudian, suatu lagi penilai, Perini, melaporkan bahawa, dengan izin, "An American buyer would be unwilling to pay more than perhaps US\$56 million for the property".

Jalil Ibrahim telah membuat catatan ini di dalam buku catatannya:

" Levanthol has advised me not to proceed with the transaction because the properties are not worth so much."

Tuan Yang di-Pertua, pada 9hb Jun, 1983 Jalil telah menulis sepucuk surat peribadi kepada isteri dan kesemua anak-anaknya yang tidak siap atau diposkan. Dalam suratnya, yang saya memandangkan sebagai satu surat antara dua yang terpenting dalam Exhibits dalam 11 Volumes, beliau telah merujuk kepada pembelian aset-aset di Amerika Syarikat oleh Bank (tetapi bukan pembiayaan pembelian itu oleh bank pihak ketiga), serta penandatanganan Perjanjian Jualbeli aset-aset itu oleh Bank. Beliau menyatakan bahawa jika penjualan itu berterusan, mungkin beliau akan dikehendaki menguruskan projek di Amerika Syarikat. Adalah jelas dari kenyataan ini bahawa Jalil menyedari dengan penuh bahawa penjualan tersebut masih tertakluk kepada syarat. Jalil seterusnya menulis dengan izin:

"Honestly, I have reached the limit of my patience here. If I don't

have the contract at the back of my mind, I would give notice of resignation and find a less worrisky, less problematic job. It seems to me that the reward for being a good worker is to load him with more and more problems until he goes mad. The problems in Hong Kong are not my making and from today onwards, I am going to think of myself and my family first and put the interests of the Bank, the race and the country behind me. If those directors had thought of the interests of the Bank, race and country first, they wouldn't have made all those blunders in the first place. I have sacrificed enough and if I am asked to make further sacrifices, become another mad man by going to the USA, then I will not hesitate to give a piece of my mind. They can recall me to Kuala Lumpur on 24 hour notice—that's fine with me. Basically they must know I have had enough and I mean it."

Di sini, jeritan putus asa atau, dengan izin, cry of despair yang terkandung begitu mendalam di dalam jiwa raga Jalil begitu jelas. Beliau pasti mengalami begitu banyak tekanan sehingga tidak dapat dikawal lagi. Apakah sebabnya? Kita hanya dapat mengagak bahawa mereka yang bertanggungjawab terhadap frustrasi serta perasaan putus harapan Jalil tentulah tidak akan mengakui akan peristiwa ini.

Mungkin kita boleh dapat sedikit anggapan daripada suatu perjumpaan dengan Lorrain Osman, Shamsuddin dan Wong Aun Pui pada 22hb Jun, 1983 di Kuala Lumpur, di mana peguam A. Neoh iaitu peguam BMF telah membangkitkan persoalan harga pembelian aset di Amerika Syarikat yang amat tinggi. Pengalaman A. Neoh di perjumpaan itu mungkin dapat mendedahkan sebab-sebab di-sebaliknya perasaan Jalil yang begitu putus asa pada 9hb Jun, 1983.

Perenggan 27.27, Special Brief III menyatakan bahawa apabila A. Neoh membangkitkan hal tersebut, iaitu bahawa harga untuk membeli aset Amerika terlalu tinggi, Wong Aun Pui telah menyatakan bahawa bukanlah tanggungjawab beliau sebagai peguam untuk membincangkan harga pembelian tersebut dan ini merupakan satu keputusan perniagaan yang tidak melibatkan peguam.

Laporan Akhir BMF, muka surat 667, perenggan 61.9 (5) menyatakan bahawa pada keesokan harinya iaitu 23hb Jun, 1983, di pejabat Lorrain Osman, Wong Aun Pui, dengan izin, "indicated to A. Neoh that he was upset that the matter of values was raised at all and that A. Neoh should stick to legal issues. Lorrain Osman concurred in this view. Thereafter A. Neoh concentrated on the legal issues and suggested that at least an escrow fund of 10% of the remaining purchase price should be sought."

Saya agak Jalil sebagai seorang kakitangan awam yang jujur, rajin dan taat kepada Tuhan atau God-fearing, tentu apabila beliau mendapat maklumat daripada A. Neoh mengenai laporan penilaian asset-asset Carrian di Amerika Syarikat tidak bernilai US\$76 juta, sangat suka hati kejar menemui pihak atasan untuk membawa "berita baik" dan bahawa disebabkan tempoh penarikan balik masih belum luput, BMF mungkin dapat menjimat berjuta-juta ringgit yang tidak ternilai.

Dari pendapat kegembiraan daripada pihak atasan beliau, beliau tentulah mungkin mendapati sikap acuh tak acuh dan mungkin kemarahan daripada mereka. Dan mungkin berlaku satu perbalahan hangat di mana Jalil mungkin menuntut supaya kontrak jualbeli dibatalkan melainkan harga jualan diturunkan untuk mencerminkan laporan penilaian terbaru daripada Amerika Syarikat.

Ini mungkin menyebabkan satu konfrontasi di mana Jalil mungkin diberitahu malah diberi amaran bahawa beliau tidak sepatutnya "rock the boat" tetapi patut menyetujui dengan apa yang berlaku dan ingatlah kepentingan Bank, bangsa dan negara atau interests of the Bank, race and the country atau menghadapi akibatnya.

Ini menyebabkan Jalil menulis dua hari kemudian iaitu pada 9hb Jun, 1982 di sebelah malam pada pukul 10 malam, waktu ia mengalami kesunyian, kekecewaan dan putus asa untuk membantah sindiran-sindiran bahawa dalam percubaan untuk menyelamatkan berjuta-juta ringgit bagi BMF dan negara, beliau tidak memikir tentang kepentingan Bank, bangsa dan negara dan beliau memutus untuk tidak menghabiskan suratnya serta memposkan apabila beliau menyedari kemudian ini akan menyebabkan keluarganya berasa cemas. Tetapi selepas itu beliau telah dibunuh dan surat itu jatuh dalam tangan pihak Polis Hong Kong.

Begitu juga perenggan sebelum ini, dalam surat Jalil yang tidak habis ditulis itu adalah amat menonjolkan. Beliau mengatakan, dengan izin:

"My stay in Hong Kong may end quite soon i.e. if my fears come true. You remember I told you earlier that the Bank is buying certain projects in the USA (office complexes, land under construction, oil exploration companies)—well the Bank has entered into a Sale and Purchase Agreement for those projects—if the sale goes through, they need someone other than the Directors and the General Manager who knows about these assets/projects, that is myself. So I anticipate being asked to go to the USA for at least six months to a year to manage these assets. So I must now think of a reply in case I am asked to go."

Surat ini ditulis 9hb Jun semasa beliau bersendirian dengan frustasi-frustasi, tekanan-tekanan serta perasaan marahnya. Surat ini mengesahkan bahawa keseluruhan urusan aset-aset Amerika Syarikat telah dijalankan dengan penuh kerahsiaan, bahawa beliau berada di dalam keadaan yang begitu menekankan, dan bahawa beliau mula mungkin berasa putus asa, dengan izin, the rot in the entire BMF scandal, untuk mana beliau dihantar ke Hong Kong.

Inilah mungkin pengalaman serta perasaan Jalil, sekiranya objektif pembelian aset-aset Amerika Syarikat hanya merupakan suatu dalih untuk menyalurkan US\$76 juta untuk mengelakkan kejatuhan Kumpulan Carrian, suatu hakikat yang tidak disedari oleh Jalil dan inilah kesimpulan Jawatankuasa Penyiasat.

Jika dugaan saya ini adalah betul, hanya salah satu daripada dua orang berikut yang mungkin telah menegur Jalil iaitu sama ada Lorrain Osman atau Hashim Shamsuddin.

Kita tidak boleh menyimpulkan apa-apa daripada kedua-dua perjumpaan A. Neoh di mana beliau telah ditegur kerana membangkitkan persoalan mengenai harga tinggi aset-aset di mana Amerika Syarikat di hadapan Lorrain Osman. Saya rasa ini adalah suatu pendedahan yang begitu menonjolkan mengenai perasaan putus harapan dan penderitaan Jalil, malah juga keadaan-keadaan yang membawa kepada pembunuhan Jalil pada 18hb Julai, 1983.

Special Brief Part III menyatakan bahawa Pemberian US\$4 juta oleh BMF pada 18hb Julai 1983 kepada Syarikat Fitarget adalah berhubung rapat dengan pembunuhan Jalil. Ia mengatakan:

“In our opinion the authorities involved with the investigation of Jalil’s murder should take a further

look at the events of 18-7-83 and the roles played by all the persons connected with the release of the US\$4 million to establish the link between the murder of Jalil and the release of the US\$4 million. This will enable them at the same time to establish whether there was in fact a “Korean” who actually did the killing and whether the “Korean” took his instructions from anyone connected with the release of the US\$4 million.”

Jawatankuasa berasa bahawa peristiwa-peristiwa yang berlaku pada 18-7-83, walaupun secukup dengan bukti di perbicaraan Mak Foon. Than untuk mensabitkannya sebagai salah, juga, dengan izin, “gives rise to many unresolved events and inferences as to the actions of the other involved. It is therefore necessary that this matter be further investigated.”

Saya menyokong dengan sepenuhnya cadangan supaya penyiasatan ke dalam pembunuhan Jalil Ibrahim dibuka semula yang sepatutnya merupakan satu operasi bersama antara pasukan polis Hongkong dan Malaysia. Besar kemungkinan perintah untuk membunuh Jalil telah datang dari Malaysia, oleh kerana kegagalan Jalil untuk mengambil kira kepentingan-kepentingan bank, bangsa dan negara, dengan izin, the interests of bank, race and country.

Adalah jelas daripada kenyataan saksi-saksi semasa perbicaraan Mak, bahawa Jalil menentang pemberian pinjaman US\$4 juta tanpa kelulusan jelas Jawatankuasa Pengawalseliaan (Supervisory Committee), walaupun sebahagian wang tersebut adalah bagi projek rahsia untuk membeli aset-aset China Underwriters dan Union Bank melalui syarikat-syarikat di luar Hongkong atau off-shore dan cara tipu helah seperti dilakukan berhubung dengan aset-aset Carrian di Amerika Syarikat.

Pada masa Jalil dibunuh pada 18hb Julai, 1983, pinjaman US\$4 juta yang ditentang olehnya itu telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Kertas Putih Kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan:

“Mengenai Kes BMF ini saya mula-mulanya mengetahui hal ini apabila ianya dilaporkan di dalam akhbar. Sepelas itu saya telah diberi taklimat secara kasar mengenai perkara ini oleh Pengerusi Bank Bumiputra dan Bank Negara. Dalam salah satu daripada taklimat itu, Pengerusi Bank Bumiputra memberitahu saya tentang tindakan-tindakan bank tersebut untuk mendapat semula wang sebanyak yang mungkin daripada George Tan sendiri dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan beliau dan daripada mereka yang bertanggungjawab meluluskan pinjaman-pinjaman tersebut. Saya bersetuju dengan tindakan itu. Walau bagaimanapun, saya tidak diberitahu mengenai butir-butir dan tidak terlibat dalam apa cara sekalipun dalam pelaksanaan tindakan ini. Ini adalah perkara dan tanggungjawab para Eksekutif Bank tersebut. Apa yang dapat saya katakan ialah saya percaya pihak Pengurusan Bank itu telah bertindak demi kepentingan bank tersebut dalam usaha-usaha mereka mendapatkan kembali semua wang yang mungkin diperolehi oleh mereka dengan mengambil kira keadaan-keadaan yang terdapat dalam kes ini.”

Tuan Yang di-Pertua, saya menjangka bahawa Y.A.B. Perdana Menteri merujuk kepada pendedahan pertama mengenai kisah BMF dalam suratkhbar yang tersiar dalam akhbar Asian Wall Street Journal pada 10hb November, 1982 mengenai kesulitan-kesulitan yang menimpa pinjaman-pinjaman BMF di Hongkong yang

melibatkan Carrian Eda dan Kevin Hsu tetapi yang masa itu dinafikan oleh Pengerusi Bank, Dr Nawawi.

Pada 12hb November, 1982, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Aziz Taha mengadakan perjumpaan pertama dengan Dr Nawawi untuk melahirkan rasa keperihatiannya tentang keadaan BMF. Satu pasukan pemeriksaan Banki Negara yang diketuai oleh Lee Kong Lam dari Bank Negara telah pun menyiapkan laporan pemeriksaan atas BMF dengan tarikh rujukannya, dengan izin, cut-off point sebagai 30hb Jun, 1982 dan telah mengemukakannya kepada Gabenor Bank Negara pada 30hb September, 1982.

Ternampak di sini bahawa hanyalah selepas enam minggu penerimaan laporan pemeriksaan Bank Negara Tan Sri Aziz Taha bermesyuarat dengan Dr Nawawi untuk membincangkan masalah-masalah serius dalam BMF. Mungkinkan Gabenor Bank Negara akan lebih lambat berjumpa dengan Dr Nawawi sekiranya tidak ada pengumuman Carrian tentang masalah-masalah liquidity, dengan izin, pada 26hb Oktober, 1982 yang menyebabkan kemungkinan jatuhnya Carrian dan dengan itu membawa kejatuhan BMF?

Ini adalah kerana laporan Pemeriksaan Bank Negara atas BMF sepertimana pada 30hb Jun, 1982 tentu menunjukkan bahawa BMF telah terlalu mendedahkan dirinya secara merbahaya dan mengancam bank induknya.

Laporan Pemeriksaan Bank Negara menunjukkan bahawa pada 30hb Jun, 1982 jumlah pinjaman BMF adalah HK\$5.042 billion yang mana HK\$3.246 billion adalah bagi Kumpulan Carrian yang tidak diingini dan tidak cermat.

Laporan Pemeriksaan itu juga membongkarkan amalan-amalan kewangan dan bank yang tidak wajar, bahawa terdapat satu perhubungan

istimewa, dengan izin, special relationship di antara BMF dan Kumpulan Carrian yang melampaui perhubungan biasa antara pelanggan dan bank yang menyebabkan pendahuluan dan pinjaman besar berjumlah HK\$3.246 billion yang mana kebanyakannya diberi tanpa cagaran. Iajuga membongkarkan pembayaran fee pengarah dan fee perundingan (consultancy fee) kepada pengarah-pengarah BMF serta kepada Pengerusi Kumpulan BBMB.

Dalam keadaan biasa, Laporan pemeriksaan sangat seumpama itu tentu memberi alasan yang cukup bagi Gabenor Bank Negara untuk bertindak dengan menggunakan segala kuasanya untuk membersihkan kucar-kacir yang menyelubungi BMF.

Bank Negara telah menonjolkan kuasanya tanpa ragu-ragu dalam beberapa keadaan yang lain seperti kepada Oriental Bank, Perwira Habib Bank, D & C Bank dan Bank Buruh, dulu UMBC dan Malayan Banking.

Tetapi dalam kes BMF, bukan sahaja Bank Negara telah gagal untuk mencampur tangan, malah ia merupakan teragak-agak untuk memanggil Pengerusi Bank Bumiputra untuk disoal. Adakah ini kerana BBMB bukan bank biasa dalam negara dan ada disebut dalam siasatan bahawa BMF ialah "special baby" dalam Bank Bumiputra Group. Adakah seperti itu Bank Bumiputra special bank dalam Malaysia dan masa itu Pengerusi Bank Bumiputra Dr Nawawi Special Bank Chairman dalam Malaysia?

Pada ketika itu Tuan Yang di-Pertua, iaitu Oktober 1982, Dr Nawawi adalah bintang yang mempunyai masa depan yang paling cerah di antara profesional-profesional dan peniaga-peniaga bumiputra dalam UMNO, dengan izin, the brightest star in the political firmament in UMNO among all bumiputera professional and businessmen. Beliau telah disebut-sebut akan menjadi Menteri Kewangan

negara sekiranya Tengku Tan Sri Razaleigh meletakkan jawatannya. Oleh yang demikian, dapatlah kita memahami mungkin bahawa Tan Sri Aziz Taha menghadapi sekatan-sekatan apabila membicarakan dengan seorang yang mungkin akan menjadi tuan politiknya di masa hadapan kelak.

Dr Nawawi telah memberi jaminan kepada Tan Sri Aziz Taha pada mesyuarat 22hb November, bahawa segala-galanya terkawal dan bahawa pasukan audit dalaman BBMB menjelaskan pengauditan sendiri BMF pada ketika itu.

Pada 16-11-82, Gabenor Bank Negara telah menemui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi taklimat tentang kedudukan BMF dan enam minggu kemudian pada 5-1-1983, beliau menemui Perdana Menteri pada kali kedua untuk memberi taklimat kedua.

Pada 2-4-1983 Gabenor telah menulis kepada Perdana Menteri, dengan merujuk kepada kedua-dua taklimat yang diberikan dahulu kepada Perdana Menteri pada 16-11-1982 dan 5-1-1983. Gabenor berkata bahawa beliau hendak, dengan izin, "provide a clearer picture as to how BMF got itself into this predicament" dan memaklumkan kepada Perdana Menteri akan perkembangan-perkembangan terbaru. Beliau telah mengakhiri surat setebal 10 muka itu dengan permohonan meminta satu temujanji dengannya untuk membincangkan soal BMF bagaimana akaun-akaun kumpulan Bank Bumiputra boleh dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati surat Tan Sri Aziz Taha yang ada dalam Volume 1 Exhibits Special Brief Part III bertarikh 2-4-1983 itu kepada Perdana Menteri, bersama-sama dengan surat Jalil yang tidak habis ditulis itu sebagai dokumen-dokumen yang paling penting serta istimewa dalam 11 jilid

exhibits, walaupun saya mesti mengaku bahawa saya masih belum meneliti 5 jilid lagi.

Tanggungjawab serta kuasa-kuasa Bank Negara, seperti terkandung di bawah Bahagian VI Akta Bank 1973, adalah untuk mengurus dan mengawal bank-bank yang menjalankan pengurusan Malaysia. Kuasa-kuasa ini termasuk peruntukan-peruntukan wajib untuk menyiasat buku-buku, akaun-akaun dan urusniaga-urusniaga setiap bank berlesen dan sebarang cawangan, agensi atau pejabat di luar Malaysia yang dibuka oleh sebuah bank berlesen yang diperbadankan di Malaysia, di bawah keadaan rahsia.

Peruntukan-peruntukan Bahagian VI Akta Bank 1973 juga memberi kuasa kepada Bank Negara untuk mengambil sekiranya sebelum bank menganggap dirinya tidak berupaya menemui obligasinya, atau hampir-hampir mungkiri bayarannya, segala langkah-langkah yang sesuai untuk mengarah operasi bank berkenaan termasuk kuasa untuk mengambil alih bank tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab Gabenor Bank Negara bukanlah semata-mata untuk menulis surat-surat yang bersifat sedih dan pilu kepada Perdana Menteri untuk mengingatkannya mengenai apa yang ditaklimatkan kepadanya dahulu mengenai BMF, tetapi untuk mengambil tindakan-tindakan pesat untuk membetulkan bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang menyeleweng.

Adalah jelas daripada peristiwa ini bahawa semenjak lima bulan taklimat pertama diberikan kepada Perdana Menteri mengenai skandal BMF, tidak apa-apa tindakan drastik yang boleh dilakukan oleh Gabenor Bank Negara.

Dalam tempoh ini, BMF telah memberi pinjaman-pinjaman lanjut kepada Carrian selepas Bank Negara membangkitkan hal ini dengan Dr

Nawawi, tetapi BMF telah terus memberi pinjaman-pinjaman lanjut kepada Carrian. BBMB pula telah menyertai dan memberi sejumlah US\$76 juta bagi pembelian aset-aset yang sama di Amerika Syarikat yang BMF gagal untuk mencagar apabila ia memberi pinjaman-pinjaman dahulu. Apabila Carrian jatuh, kedua-dua BMF dan BBMB mengalami kerugian lebih besar. Oleh sebab itu, apakah langkah-langkah yang Bank Negara boleh mengambil selepas selesainya pemeriksaan pada 30-9-1982? Jawatankuasa berpendapat bahawa Bank Negara mungkin boleh mengambil langkah-langkah untuk menyingkirkan orang-orang yang menguasai BMF dan bukan bergantung semata-mata kepada jaminan yang diberi oleh Dr Nawawi bahawa segala-galanya adalah dalam kawalan serta kenyataan Dato Hashim bahawa BMF tidak akan mengalami apa-apa kerugian.

Laporan Akhir BMF telah membuat suatu kenyataan yang begitu bermakna, dengan izin, "Tan Sri Aziz Taha in his interview with the Committee on 2-12-1985 stated that in the circumstances then prevailing Bank Negara was not in a position to intervene any more than what had been done. It had done all that was possible in reporting the matter to the Government, for the Government is the ultimate shareholder of BBMB and it had been briefed on the serious situation. The chairman of BBMB was also in direct contact with the Government."

Dalam putusan atau pandangan Jawatankuasa Penyiasatan yang terkandung dalam Special Brief III, perenggan 28.3 ia menyatakan, dengan izin, the monitoring role of Bank Negara was ineffective. Bank Negara had completed its inspection and had discovered very serious defects in the management and control of BMF. The Governor and the Deputy Governor called in the group Chairmn, Executive

Directors and the executives of BBMB and BMFL for meetings. The Deputy Governor noted that "no one understands what was going on", and yet Bank Negara did not intervene. In our opinion, if Bank Negara had intervened after it had completed the inspection, it could have been in a position to prevent further releases to Carrian".

Gambaran yang jelas daripada Laporan Akhir BMF dan surat Gabenor kepada Perdana Menteri pada 2-4-1983, adalah nyata, Gabenor Bank Negara telah diketepikan dalam pengendalian skandal BMF atau hal perkara urusan BMF sehingga beliau terpaksa mengirim surat kepada Perdana Menteri untuk mengingatkan beliau akan betapa seriusnya masalah BMF itu.

Malah Menteri Kewangan juga masa itu Tengku Tan Sri Razaleigh, telah disekat, jika tidak sudah pasti Gabenor Bank Negara dapat terus berhubung dengannya, khususnya memandangkan bahawa dalam bulan Oktober 1983, Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Bank Bumiputra dan BMF adalah di bawah kawalan serta jagaan Menteri Kewangan, dan bukan Jabatan Perdana Menteri.

Adalah jelas bahawa, dalam Fasa Ketiga Pelan Induk Skandal BMF, Gabenor Bank Negara dan Menteri Kewangan telah diketepikan, dan keseluruhan kes ini telah dikendalikan oleh Dr Nawawi yang melaporkan secara langsung dan begitu kerap kepada Perdana Menteri, dan mungkin pihak ketiga, iaitu bekas Gabenor Bank Negara dan Pengerusi PNB, Tun Ismail Ali, yang mana PNB yang memiliki saham terbesar sebanyak 70% dalam BBMB.

Dalam suratnya kepada Perdana Menteri, Tan Sri Aziz Taha telah cuba menarik perhatian terhadap betapa cemasnya keadaan sediakala. Mengenai

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh menyambung semula esok.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.